



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENCAPAIAN
PEMBELAJARAN DI KALANGAN PELAJAR DEWASA
(UNIMAS)**

Siung Hua Siong

Sarjana Muda Sains dengan Kepujian
(Pembangunan Sumber Manusia)
2005

LC
5219
S622
2005



1000143737

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENCAPAIAN PEMBELAJARAN DI
KALANGAN PELAJAR DEWASA (UNIMAS)**


SIUNG HUA SIONG

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian
(Pembangunan Sumber Manusia)

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK


Projek bertajuk Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Dewasa (UNIMAS) telah disediakan oleh Siung Hua Siong dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Pembangunan Sumber Manusia)

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Puan Noor Shah Mohd Salleh)

Tarikh:



14/05/05

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek, Puan Noor Shah Mohd Salleh atas segala bimbingan, tunjuk ajar yang bernilai dalam membantu saya menjalankan projek tahun akhir ini. Melalui bimbingan dan tunjuk ajar beliau, projek ini telah diperbaiki dan berjaya disediakan.

Penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) Unimas atas kemudahan yang disediakan dalam proses pengumpulan maklumat berkenaan dalam kajian ini.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli keluarga yang disayangi serta semua rakan-rakan seperjuangan yang telah bersama saya selama 3 tahun di Unimas. Mereka sentiasa memberi bantuan, sokongan dan berkongsi idea serta pengetahuan kepada saya sepanjang proses penyiapan projek ini. Semoga persahabatan kita semua kekal lama.

Akhir kata, saya berharap kajian ini dapat membawa manfaat kepada pengkaji dan pembaca yang akan datang.

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
Tandatangan Penyelia	ii
Penghargaan	iii
Jadual Kandungan	iv
Senarai Jadual	vii
Senarai Gambarajah	ix
Abstrak	x
<i>Abstract</i>	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latarbelakang Kajian	3
1.2 Kenyataan Masalah	4
1.3 Objektif	6
1.3.1 Objektif Umum	6
1.3.2 Objektif Spesifik	6
1.4 Rangka Konseptual	7
1.5 Hipotesis Nol	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Definisi Istilah	9
1.7.1 Pelajar Dewasa	9
1.7.2 Umur	9
1.7.3 Jantina	9
1.7.4 Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)	9
1.7.5 Keluarga	10
1.7.6 Motivasi	10
1.7.7 Persekuturan Pembelajaran	10
1.7.8 Sikap	10
1.7.9 Pencapaian Pembelajaran	11
1.8 Limitasi Kajian	11
1.9 Kesimpulan	12

BAB 2 KAJIAN SEMULA PENULISAN

2.0 Pengenalan	13
2.1 Pelajar Dewasa	14
2.2 Umur	15
2.3 Jantina	18
2.4 Keluarga	19
2.5 Motivasi	21
2.6 Persekuturan Pembelajaran	25
2.7 Sikap	27

2.8 Pencapaian Pembelajaran	31
2.9 Kesimpulan	33

BAB 3 MEDOTOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	34
3.1 Rekabentuk Kajian	34
3.2 Lokasi Kajian	35
3.3 Populasi dan Persampelan Kajian	36
3.4 Instrumen Kajian	37
3.4.1 Data Primer – Borang Soal Selidik	37
3.4.2 Data Sekundar	39
3.5 Kajian Rintis	40
3.6 Pengumpulan Data	41
3.7 Penganalisaan Data	42
3.7.1 Kaedah Statistik Deskriptif	42
3.7.2 Kaedah Statistik Inferensi	42
3.7.2.1 Ujian ANOVA	43
3.7.2.2 Ujian T-test	43
3.7.2.3 Ujian Kolerasi Pearson r	43
3.8 Pengiraan Skor bagi Pencapaian Pembelajaran	45
3.9 Kesimpulan	47

BAB 4 HASIL DAN PERBINGANAN

4.0 Pengenalan	48
4.1 Taburan Demografi Responden	49
4.1.1 Faktor Jantina Responden	49
4.1.2 Faktor Umur Responden	49
4.2 Pengujian Hipotesis	50
4.2.1 Hipotesis nul (H_0 1)	50
4.2.2 Hipotesis nul (H_0 2)	51
4.2.3 Hipotesis nul (H_0 3)	52
4.2.4 Hipotesis nul (H_0 4)	53
4.2.5 Hipotesis nul (H_0 5)	54
4.2.6 Hipotesis nul (H_0 6)	55
4.3 Keputusan Pengiraan Skor Bagi Pencapaian Pembelajaran	56
4.4 Keputusan Pencapaian Pembelajaran Berdasarkan PNGK	57
4.5 Kesimpulan	58

BAB 5 RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan	59
5.1 Rumusan Kajian	60
5.2 Kesimpulan Kajian	61
5.3 Cadangan	

5.3.1 Cadangan kepada Pihak Organisasi Berdasarkan Keputusan Kajian	63
5.3.2 Cadangan kepada Pengkaji yang akan Datang	64
RUJUKAN	65
LAMPIRAN A	74

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
Jadual 1.1 Tahap Gaji Berdasarkan Tahap Pendidikan di Negara U.S.	4
Jadual 3.1 Kategori Responden	39
Jadual 3.2 Kategori Nilai Kolerasi Koefisien	44
Jadual 3.3 Tahap Pencapaian Pembelajaran	47
Jadual 4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	49
Jadual 4.2 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Berdasarkan Umur	50
Jadual 4.3 Keputusan Ujian ANOVA bagi Faktor Umur	50
Jadual 4.4 Keputusan Ujian T-test bagi Faktor Jantina	51
Jadual 4.5 Keputusan Ujian Kolerasi Pearson bagi Faktor Keluarga	52
Jadual 4.6 Keputusan Ujian Kolerasi Pearson bagi Faktor Motivasi	53
Jadual 4.7 Keputusan Ujian Kolerasi Pearson bagi Faktor Persekutuan Pembelajaran	54
Jadual 4.8 Keputusan Ujian Kolerasi Pearson bagi Faktor Sikap	55
Jadual 4.9 Keputusan Pengiraan Skop bagi Pencapaian Pembelajaran Pelajar Dewasa	56

Jadual 4.10

Keputusan Putara Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi Pelajar Dewasa

57

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
Rajah 1.1 Kerangka Konsepsual Kajian	7
Rajah 2.1 Teori Keperluan Manusia Abraham Maslow	24
Rajah 2.2 Model Sikap Kognitif	30

ABSTRAK

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENCAPAIAN PEMBELAJARAN DI KALANGAN PELAJAR DEWASA
(UNIMAS)**

Siung Hua Siong

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar dewasa (UNIMAS). Pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah pencapaian pembelajaran pelajar dewasa manalaka pembolehubah tak bersandar terdiri daripada keluarga, motivasi, persekitaran pembelajaran dan sikap. Data yang dikumpulkan dari 55 responden yang dipilih secara "purposive sample" melalui borang soal selidik kemudian dianalisis menggunakan perisian SPSS 11 Windows. Ujian ANOVA digunakan untuk menguji faktor umur ($p = 0.233$, $\text{sig} > 0.05$), ujian T-Test digunakan untuk menguji faktor jantina ($t = -0.895$, $p = 0.375$), ujian kolerasi Pearson r digunakan untuk menguji perkaitan di antara faktor keluarga ($r = 0.135$, $p = 0.327$), faktor motivasi ($r = 0.375$, $p = 0.005$), faktor persekitaran pembelajaran ($r = 0.249$, $p = 0.067$) dan faktor sikap ($r = 0.476$, $p = 0.000$) dan pencapaian pembelajaran. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan faktor motivasi dan sikap yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar dewasa. Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan agar pihak fakulti berusaha untuk meningkatkan pencapaian pembelajaran pelajar dewasa.

ABSTRACT

*FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENCAPAIAN PEMBELAJARAN DI KALANGAN PELAJAR DEWASA
(UNIMAS)*

Siung Hua Siong

The aim of this research is to find out the factors influencing the learning achievement in adult learners. The dependent variable in this study was learning achievement in adult learners while the independent variable were family, motivation, learning environment, and attitude. 55 respondents were chosen with purposive sample and the data collected was analyzed with SPSS 11 Windows. ANOVA test was used to determine the age factor ($p = 0.233$, $\text{sig} > 0.05$), T-Test was used to determine the factor gender ($t = -0.895$, $p = 0.375$), while as the Pearson Correlation r was used to find out the significant relationship between factor family ($r = 0.135$, $p = 0.327$), factor motivation ($r = 0.375$, $p = 0.005$), learning environment factor ($r = 0.249$, $p = 0.067$) and attitude factor ($r = 0.476$, $p = 0.000$) and achievement learning. The finding shows that motivation and attitudes were the factors influencing the learning achievement in adult learners. Therefore, it is suggested that the faculty should improve and increase the learning achievement in adult learner.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dalam era globalisasi, setiap lapisan masyarakat semakin mementingkan kerjaya pekerjaan dalam pelbagai bidang seperti bidang usahawaan, bidang perkeranian, bidang komunikasi, bidang fotografi dan lain-lain. Institusi pengajian tinggi kerajaan dan swasta telah memperkenalkan banyak kursus dan program untuk meningkatkan status dan kepuasan lapisan masyarakat.

Andragogi atau pembelajaran orang dewasa berdasarkan andaian Knowles bahawa pelajar perlu tahu, mempunyai konsep sendiri, pengalaman, sentiasa bersedia belajar dan bermotivasi. Pada tahun 1967, konsep Andragogi telah diperkenalkan di

Amerika Syarika, keadan ini merujuk kepada konsep pembelajaran orang dewasa (Knowles, Holton, & Swanson, 1998 dalam Amy P. Willis, (t.t.)).

Pembelajaran adalah satu proses memperolehi maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Proses pembelajaran berlaku sepanjang hayat seseorang manusia. Konsep pendidikan untuk orang dewasa memerlukan perhatian orang dewasa sebagai siswa dalam kegiatan belajar tidak dapat diperlakukan seperti kanak-kanak di sekolah tradisional. Kita harus memahami bahawa pelajar dewasa sebagai individu yang mampu mengarahkan diri sendiri, bukan diarah dan dipaksa oleh orang lain. Oleh itu, pencapaian pembelajaran di kalangan mereka adalah dipengaruhi oleh faktor motivasi, tahap metakognisi, situasi belajar, dan faktor-faktor yang lain.

Kementerian Pendidikan memperkenalkan Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) untuk mengatasi masalah kekurangan guru siswazah dalam subjek kritikal dan memastikan semua sekolah menengah di seluruh negara memperoleh guru siswazah pada tahun 2005. Pensiswazahan Guru (PKPG) terdapat di Universiti Terbuka Malaysia (Unitem), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dan Kolej Sri Aman, Terengganu, Institut Teknologi Perak (ITP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor: Institut Kemajuan Ikhtisas, Pahang; Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

“Sebagai pendidik, saya perlu memberikan khidmat terbaik kepada pelajar terutama bagi mempersiapkan mereka menghadapi peperiksaan dengan merangkul kejayaan cemerlang. Walau bagaimanapun, tanpa kelayakan akademik yang baik, sukar untuk saya mencapai matlamat itu, memandangkan tahap pendidikan kini semakin tinggi dan pengetahuan pelajar juga semakin luas,” kata Rozita Mohamad, 29.

Itulah antara faktor, ibu kepada dua anak yang menjadi seorang daripada 2,848 guru, mengambil keputusan mendaftar bagi mengikuti Program Khas Pensiwazahan Guru (PKPG), kelolaan Universiti Terbuka Malaysia (Unitem) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

1.1 Latarbelakang Kajian

Fenomena orang dewasa kembali ke alam pendidikan pada masa kini semakin meningkat. Situasi ini dapat dilihat daripada golongan lapisan masyarakat yang mengambil program Degree di institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negeri.

Pada masa ini, jika seseorang mempunyai pengalaman yang luas dalam sesuatu bidang tetapi tidak mempunyai sijil ijazah Degree, peluang untuk naik pangkat adalah mustahil. Kebelakangan data yang dikaji oleh U.S. Bureau, peningkatan pendapatan berlaku apabila mereka mempunyai pendidikan yang tinggi. Oleh itulah, semakin banyak golongan orang dewasa kembali ke alam persekolahan.

Pendidikan adalah kritikal kepada pasaran buruh yang berjaya. Situasi ini dapat dilihat dengan jelas di United States, terdapat perpisahan antara ekonomi dengan pendidikan (Grubb, W. N 1997 dalam Amy P. Willis, (t.t.)). Mengikut kajian yang telah dijalankan pada bulan Mac 1998, pendapatan tahunan daripada U.S. merujuk bahawa tahap gaji adalah berbeza berdasarkan tahap pendidikan seperti jadual berikut:

Tahap Pendidikan	Gaji (\$)
Tidak mempunyai sijil diploma	\$16,124
Mempunyai sijil diploma	\$22,895
Persatuan degree	\$29,877
Ijazah sarjana muda	\$40,478
Degree yang bertaraf tinggi	\$64,229

Jadual 1: Tahap Gaji berdasarkan Tahap Pendidikan di Negara U.S.

Kemahiran teknikal dan pendidikan adalah penting untuk menentukan pasaran buruh pendapatan (Finn & Gerber, 1998; Harrington & Sum, forthcoming).

1.2 Kenyataan Masalah

Berdasarkan rekod Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, pada semester 1 sesi 2003/2004, terdapat 20 pelajar dewasa tahun 1 dari program pengajaran

bahasa English sebagai bahasa ke-2 (TESL) gagal mengulang semester. Dua orang pelajar dewasa dari program sains tahun 1 gagal diberhentikan. Manakala, terdapat 5 orang pelajar dewasa gagal diberhentikan dan 4 orang pelajar dewasa gagal mengulang semester dari program teknologi maklumat.

Terdapat 11 orang pelajar pelajar dewasa tahun 1 dan 8 orang pelajar dewasa tahun 2 mendapat Anugerah Dekan. Hal ini memandang bahawa pelajar orang dewasa bertanggungjawab terhadap keluarga, kerjaya, dan masyarakat, peruntukan masa yang terhad, sumber wang, peruntukan masa yang singkat untuk menjaga anak, masalah pengangkutan, dan kekurangan keyakinan diri sendiri. Oleh itu, pengkaji berminat untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar dewasa.

Berdasarkan laporan American College Testing [ACT] (1999), terdapat 26.4% pelajar baru telah memberhentikan pembelajaran mereka sebelum menjelak ke tahun dua. Tambahan pula, gaji pelajar juga akan dipertingkatkan jika mempunyai sijil prasiswazah. Sememangnya, pekerja yang mempunyai sijil Degree akan mendapat pampasan yang lebih banyak berbanding dengan seorang pekerja hanya mempunyai sijil Diploma (Sydow & Sansel, 1998 dalam Amy P. Willis, (t.t.)).

Dengan ini, kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab soalan-soalan umum bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Apakan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar dewasa?
- (ii) Apakan keadaan yang boleh meningkatkan tahap motivasi pelajar dewasa?
- (iii) Adakan pelajar orang dewasa mampu melanjutkan pelajaran pada peringkat umur dewasa?

1.3 Objektif

1.3.1 Objektif Umum

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar dewasa.

1.3.2 Objektif Spesifik

Secara spesifik, kajian ini bertujuan untuk menentukan:

1. Sama ada demografi, iaitu tahap umur dan jantina mempengaruhi pelajar dewasa dalam pencapaian pembelajaran.
2. Sama ada motivasi mempengaruhi pelajar dewasa dalam pencapaian pembelajaran.
3. Sama ada keluarga mempengaruhi pelajar dewasa dalam pencapaian pembelajaran.
4. Sama ada persekitaran pembelajaran mempengaruhi pelajar dewasa dalam pencapaian pembelajaran.

5. Sama ada sikap yang mempengaruhi pelajar dewasa dalam pencapaian pembelajaran.

1.4 Rangka Konseptual



Rajah 1: Rangka Konseptual

1.5 Hipotesis Nol

Ho 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori umur dengan pencapaian pembelajaran.

Ho 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor jantina dan pencapaian pembelajaran.

Ho 3: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara faktor keluarga dan pencapaian pembelajaran.

Ho 4: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara faktor motivasi dan pencapaian pembelajaran.

Ho 5: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara faktor persekitaran pembelajaran dan pencapaian pembelajaran.

Ho 6: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara faktor sikap dan pencapaian pembelajaran.

1.6 Kepentingan Kajian

Dalam era menuju ke arah millennium, perkembangan kerjaya perguruan perlu dipertingkatkan. Kajian ini merupakan satu usaha untuk membantu perkembangan kerjaya dalaman dan luaran seseorang guru.

Kajian ini memberi gambaran yang jelas khasnya kepada pihak yang membabitkan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar dewasa. Kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada pelajar dewasa sebagai persedian sebelum dan selepas memasuki alam pengajian tinggi yang lebih mencabar. Justeru itu, pelajar dewasa lebih memahami keperluan diri dari pelbagai aspek, dan memperbaiki kelemahan diri untuk meningkatkan prestasi akademik.

Kajian ini juga dapat menjadi panduan kepada pihak fakulti untuk menyelaraskan program PKPG. Dengan kajian ini, pihak fakulti boleh mengubahsuaiakan program tersebut berdasarkan keperluan dan kehendak pelajar dewasa.

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Pelajar Dewasa

Seseorang yang mempunyai konsep sendiri, pengalaman, sentiasa bersedia belajar dan bermotivasi.

1.7.2 Umur

Umur dalam kajian ini bermaksud usia, masa dari mula dilahirkan dan merujukan perubahan fizikal dan mental.

1.7.3 Jantina

Jantina membezakan lelaki dan perempuan daripada pelajar dewasa.

1.7.4 Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

PNGK ialah tahap pencapaian pembelajaran.

1.7.5 Keluarga

Keluarga dalam kajian ini merupakan salah satu aspek yang penting dalam proses pembelajaran pelajar dewasa.

1.7.6 Motivasi

Motivasi merupakan dorongan kepada seseorang pelajar dewasa untuk belajar dengan tekun untuk memcapai kejayaan dalam pembelajarannya.

1.7.7 Persekutaran Pembelajaran

Persekutaran pembelajaran dalam kajian ini merupakan suasana dalam bilik bacaan, rekaan dalaman bilik, susun atur meja dan kerusi, aliran udara yang lancar dapat memberi keselesaan kepada pelajar dewasa untuk menumpukan perhatian ulangkaji. Persekutaran pembelajaran yang selamat dan kondusif dapat meningkat pretasi keputusan pelajar dewasa.

1.7.8 Sikap

Kajian ini akan mengkaji sikap pelajar dewasa terhadap pembelajaran.

1.7.9 Pencapaian Pembelajaran

Pembelajaran untuk mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan, menghantar tugas pada masa tertentu.

1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di Unimas sahaja dan tidak melibatkan universiti yang lain. Pelajar dewasa tahun dua dari program ELS/TESL, Kimia, Biologi, dan Teknologi Maklumat (IT) sebagai sample kajian.

Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk skala likert. Responden tidak dapat memberi pendapat sendiri dan menjadi limitasi dalam kajian ini.

Hanya enam faktor yang dikaji dalam kajian ini iaitu faktor umur, jantina, keluarga, motivasi, persekitaran pembelajaran, dan sikap. Terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar seperti sumber kewangan, kesihatan, dan penggunaan bahasa Inggeris.

Lantaran itu, maklumat tentang pencapaian pembelajaran sukar diperolehi dari bahan rujukan. Kebanyakan maklumat didapati daripada internal sahaja.

1.9 Kesimpulan

Bab ini telah membincang serta menjelaskan cadangan awal yang berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar dewasa. Pengenalan tentang tajuk, latar belakang tentang kajian yang dikaji, masalah yang berkaitan dengan pembelajaran orang dewasa, objektif serta definisi untuk istilah-istilah tertentu untuk kajian ini turut dijelaskan dengan terperinci bagi memudahkan penerangan berkaitan tajuk yang dicadangkan. Selain itu, bagi memudahkan proses untuk memahami cadangan awal kajian ini, kerangka kosepsual kajian yang memperkenalkan kaitan antara faktor-faktor yang dikaji dengan tajuk juga dimuatkan dalam bab ini. Walau bagaimana, kajian ini turut mempunyai batasannya.

BAB 2

KAJIAN SEMULA PENULISAN

2.0 Pengenalan

Bab ini akan meninjau dengan lebih mendalam elemen-elemen penting dalam kajian ini yang melibatkan kajian-kajian lepas tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar dewasa. Bab ini akan menampilkkan kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan faktor-faktor seperti umur, jantina, keluarga, motivasi, persekitaran pembelajaran dan sikap. Kesemua aspek dalam kajian ini akan menjadi asas serta panduan yang penting sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

2.1 Pelajar Dewasa

Kajian semula penulisan pendidikan menyatakan bahawa seseorang pelajar dewasa aktif dan sibuk dalam proses pembelajaran akan mencapai kejayaan. (Dewar 1996; Hartman 1995, Leadership Project 1995 dalam K.P. Cross (t.t.)). Menurut Birkey & Rodman 1995; Dewar 1995; Hartman 1995 dalam K.P. Cross (t.t.), pelajar dewasa secara aktif dalam penipuan proses belajar akan menghasilkan pencapaian pembelajaran dalam bentuk positif atau negatif.

Kearsley (1996) dalam K.P. Cross (t.t.) membuat rumusan bahawa kaedah pengajaran pembelajaran orang dewasa lebih fokus kepada proses berbanding dengan kandungan bahan pengajaran. Misalnya, strategik dalam proses pengajaran adalah kajian kes, penilaian kendiri, kerja kumpulan, dan simulasi.

Menurut Speck (1996), terdapat beberapa perkara yang penting tentang teori pembelajaran orang dewasa. Pelajar dewasa akan bersemangat untuk belajar apabila matlamat dan objektif ditentukannya. Mengaplikasikan keadaan yang sebenar adalah penting dalam sepanjang pembelajarannya. "6S", iaitu apa, bagaimana, siapa, mengapa, di mana, dan bila adalah sentiasa dikaitan dengan proses pembelajaran. Pelajar dewasa memerlukan proses pembelajaran secara berterusan dan bersesuaian dengan pengalaman yang dapat diaplikasi dalam situasi kerja.

Pelajar dewasa perlu dibahagikan kepada kumpulan untuk belajar supaya mereka lebih memahami untuk mengaplikasi, menganalisis, dan membuat penilaian. Kumpulan

kecil mempunyai kebaikan seperti membolehkan mereka saling berkongsi pengalaman antara satu sama lain.

Pelajar dewasa bergantung kepada diri sendiri dan mempunyai cara pengurusan kehidupan kendirian. Mereka adalah terdiri daripada latar belakang keluarga yang berlainan, tahap pendidikan yang berbeza, kumpulan umur yang berlainan dan sebagainya. Proses pembelajaran adalah lambat berbanding dengan pelajar muda, sukar untuk menerima fikiran ataupun ideal yang bercanggah dengan kepercayaan yang sedia ada pada mereka sendiri.

Pembelajaran yang diberikan kepada orang dewasa perlu efektif, semasa dalam pengajaran supaya tidak terlalu mendominasikan kelompok kelas, mengurangi banyak bicara, maka mereka dapat menemukan alternatif-alternatif untuk mengembangkan mereka. Seseorang pengajar yang baik harus mendengar dan menerima gagasan mereka, memberi pernilaian dan memberi jawapan kepada pertanyaan mereka. Mereka adalah individu yang kreatif, dapat menggerakkan potensinya. Apabila terlibat dalam aktiviti pembelajaran dan memberi sumbangan, situasi ini akan meningkatkan tahap aktif belajar mereka. Penglibatan ini secara langsung akan menyebabkan mereka berasa dihargai dan memiliki harga diri sesama rakannya.

2.2 Umur

Terdapat korelasi negatif antara peningkatan umur dengan kemampuan pelajar dewasa belajar. Hal ini dipengaruhi oleh kemampuan fizikalnya semakin menurun.

Menurut Drs. Asmin, M. Pd. (t.t.), peningkatan umur akan menyebabkan titik dekat penglihatannya yang jelas mulai bergerak semakin jauh. Misalnya, seseorang pelajar yang berumur 20 tahun dapat melihat sesuatu benda dengan jelas pada jarak 10cm dari matanya, manakala seseorang pelajar yang berumur 40 tahun titik dekat penglihatan akan menjauh sampai 23 cm. Titik jauh penglihatan atau titik terjauh yang dapat dilihat secara jelas mulai berkurang.

Terdapat banyak penyelidikan yang dibuat ke atas kajian mengenai umur orang dewasa kembali semula ke persekolahan. Hasil kajian yang telah dibuat oleh penyelidik-penyalidik lepas memberi hasil yang pelbagai. Sydow dan Sandel (1998) dalam Amy P. Willis (t.t.), yang menjalankan pengajian di Mountain Empire Community College (MECC) di Virginia mendapati bahawa pelajar yang berumur 20 hingga 25 tahun merupakan golongan yang paling besar memperhentikan pengajian. Kumpulan pelajar yang berumur 36 tahun adalah kedua besar memperhentikan pengajian, meliputi 42% (Sydow & Sandel, 1998 dalam Amy P. Willis (t.t.)). Dalam kajian lepas Foote's (1999) dalam Amy P. Willis (t.t.), kebarangkalian pelajar yang berumur 20 hingga 25 tahun memperhentikan pengajian adalah lebih tinggi daripada golongan pelajar muda. Sebaliknya, Mohammadi. J (1996) dalam Amy P. Willis (t.t.), menyatakan bahawa umur adalah tidak signifikan dalam perkara ini di Patrick Henry Community College, Virginia.

Daripada kajian lepas Foote's (1999) dalam Amy P. Willis (t.t.) di Riverside Community College (RCC), keputusan adalah seperti berikut: (a) pelajar yang berumur di bawah 25 tahun mengambil 12 unit atau lebih kursus (81%), (b) pelajar yang berumur 25

tahun atau lebih tua mengambil 6 unit (66.2%), (c) pelajar di bawah 25 tahun dengan 11 unit (58%), dan pelajar yang berumur 25 tahun atau tua berdaftar 5 unit (46%). Sejak tahun 1980, sebanyak 50% ahli dalam American of Anesthesiologists (ASA) adalah berumur 45 tahun, 38% ahli yang berumur 44 tahun.

Williams (1998), McDonald dan Hutcheson (1998) dalam Amy P. Willis (t.t.), melaporkan bahawa pekerjaan dan keluarga adalah halangan bagi orang dewasa yang ingin memasuki alam persekolahan. Sebaliknya, menurut Burley, Turner, dan Vitulli (1999) dalam Amy P. Willis (t.t.), tahap umur dan pengalaman membolehkan orang dewasa mempunyai gambaran yang jelas tentang keperluan pendidikan dan matlamat, jika beranding dengan golongan pelajar muda.

Menurut Cross, P. (1981), pelajar dewasa memberi tindak balas dalam jangka masa yang agak lama. Mereka memerlukan jangka masa yang panjang untuk belajar sesuatu subjek. Mereka memerlukan peruntukan masa yang lebih panjang dalam proses pembelajaran kerana pengingatan mereka akan merosot.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan, kita dapat menganggap bahawa pembelajaran tidak kira sama ada pelajar dewasa atau golongan muda atau golongan tua, jika mereka mempunyai semangat atau usaha untuk belajar.

2.3 Jantina

Terdapat banyak kajian lepas yang telah mengkaji mengenai jantina. Dalam kehidupan, pembangunan dan pengalaman yang dilalui oleh lelaki dan wanita adalah berlainan antara satu sama lain. Begitu juga pandangan lelaki dan wanita terhadap pencapaian pembelajaran adalah berlainan dan secara tidak langsung akan mempengaruhi proses pembelajaran orang dewasa. Menurut Murray-Harvey (1993) dalam Richard Ofori (2000), pencapaian pembelajaran yang cemerlang adalah golongan pelajar dewasa di universiti negara Australia.

Pada abad yang ke-20an ini, jantina mempunyai pencapaian pembelajaran yang berbeza dan mempertahankan pretasi baik. Secara purata, jantina perempuan mempunyai pencapaian pembelajaran yang lebih baik jika berbanding dengan jantina lelaki. Jantina lelaki lebih cemerlang dalam matematik, sains, dan bidang teknikal, manakala jantina perempuan lebih mahir dalam membacaan, penulisan, sosial sains dan kemanusian.

Terdapat pengkaji menyatakan bahawa pelajar perempuan dewasa mempunyai pendekatan belajar yang berbeza daripada pelajar lelaki dewasa (seperti dalam kajian lepasan Belenky, Clinchy, Goldberger, & Tarule, 1986). Menurut Belenky dan Clinchy (1986) didapati bahawa melalui unsur-unsur keyakinan dan pengorbanan terdapat pada pelajar perempuan dewasa telah mencapai pencapaian yang cemerlang. Beliau juga menyatakan bahawa perlanjutan pelajaran dapat meningkatkan semangat mereka untuk belajar.

Menurut Jeffreys 1998 dalam Richard Ofori (2000), terdapat beberapa kumpulan umur, kumpulan yang berumur kurang daripada 20 tahun adalah tidak matang (non-mature), kumpulan yang berumur di antara 20 tahun hingga 24 tahun adalah kumpulan yang sedang matang (maturing), kumpulan yang seterusnya adalah dalam lingkungan umur 25 tahun hingga 29 tahun adalah matang (mature), 30 tahun hingga 34 tahun adalah kumpulan yang lebih matang (more mature), dan kumpulan yang melebihi 34 tahun adalah sangat matang (very mature).

2.4 Keluarga

Menurut kajian Banks (1989), keluarga memainkan peranan penting dalam mendidik semua ahli keluarga dalam rumah. Persekutuan rumah atau latar belakang keadaan rumah juga merupakan perkara utama yang perlu ditekankan. Beliau juga menyatakan, terdapat banyak bukti boleh menunjukkan bahawa status sosioekonomi sesebuah keluarga boleh memberi kesan yang luas kepada pelajar dewasa dalam pencapaian pembelajaran. Golongan pelajar dewasa adalah sumber ekonomi kepada keluarganya.

Masalah keluarga dalam pendidikan yang dianggap oleh ahli-ahli penyiasat sosial adalah sebagai satu sekatan kepada suatu peluang. Namun demikian terdapat faktor yang mustahak yang bersifat "environmental" yang dilihat sebagai satu rintangan untuk sesetengah individu daripada keluarga iaitu faktor kemiskinan. Faktor kemiskinan yang meruncing boleh mempengaruhi proses pembelajaran seseorang individu. Cara hidup

yang kurang selesa juga mempengaruhi pembelajaran seseorang pelajar dewasa secara tidak langsung atau tidak ke atas keupayaan untuk belajar.

Deprivasi dalam pendidikan bukanlah terutamanya disebabkan oleh masalah faktor kewangan dalam keluarga tetapi sikap ibu bapa dan pengawasan adalah penting terhadap seseorang pelajar dewasa daripada status kebendaraan. Suasana yang tidak mesra akan menyebabkan hubungan keluarga menjadi renggang. Ini boleh menyebabkan ibu bapa tidak dapat berbincang atau tidak berkomunikasi baik dengan anak-anak. Ekoran daripada masalah yang dihadapi, ini dapat memberikan penekanan dan menyebabkan pencapaian pembelajaran bagi seseorang pelajar terganggu atau tertekan.

Mengikut ahli-ahli sosiologi, pelajar dewasa yang mendapati bahawa jika galakkan yang tinggi daripada ahli keluarga diberi walaupun taraf sosioekonomi adalah rendah, seseorang itu akan bermotivasi tinggi dalam pembelajaran mereka. Menurut Criscito (1999) dalam Drick Boyd (2004), tanpa sokongan ahli keluarga mereka sukar mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran.

Pelajar orang dewasa mempunyai konsep kendiri dan tanggungjawab terhadap kehidupan seharian dan keputusan (Knowles et al., 1998 dalam Amy P. Willis (t.t.)). Kesimpulanya, pelajar orang dewasa mempunyai tanggungjawab yang lebih berat berbanding dengan pelajar muda (McDonald & Hutcheson, 1998; Williams, 1998). Tanggungjawab yang berat dan tidak batasan, seperti meliputi pasangan, anak, ibu bapa, kerja sepenuh masa, dan bebas kewangan di kalangan pelajar dewasa. (Knowles et al,

1998; McDonald & Hutcheson, 1998; Sydow & Sandel, 1998 dalam Amy P. Willis (t.t.)). Usaha untuk menyeimbangkan tanggungjawab terhadap kerja, keluarga, dan aktiviti sekolah adalah tekanan kepada mereka (Dill & Henley, 1998; McDonald & Hutcheson, 1998 dalam Amy P. Willis (t.t.)).

Dalam kajian berkaitan dengan kerja dan keluarga, Sydow dan Sandel (1998) menyelidikan faktor halangan bagi pelajar dewasa memperhentikan pengajian dari Empire Community College (MECC). Maklum balas daripada penyelidikan, Sydow dan Sandel menyatakan bahawa 33 % memperhentikan pengajian disebabkan oleh konflik kerja dan sebanyak 24 % masalah peribadi atau konflik keluarga (Sydow & Sandel, 1998).

2.5 Motivasi

Ahli teori motivasi bersetuju bahawa motivasi dalam pembelajaran akan mempengaruhi pencapaian pembelajaran. Menurut Paris & Pareki (1993), metakognitif juga memberi kesan terhadap motivasi seseorang pelajar dewasa dalam sepanjang proses pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan bahawa motivasi memberi kesan yang besar ke atas pencapaian pembelajaran.

Motivasi didefinisikan sebagai faktor yang mempengaruhi seseorang berkelakuan baik dalam keadaan tertentu. Motivasi mendorang seseorang ke arah untuk mencapai suatu kejayaan. (Amstrong, 1999) Misalnya, motivasi pelajar untuk mencapai kejayaan

dalam pelajaran mereka merupakan elemen yang penting kepada ahli keluarga dan rakannya.

Baundura (1997), menyatakan bahawa sikap selalu digunakan berhubungan dengan motivasi untuk mencapai "self-efficacy" atau bagaimana seseorang berkebolehan mengadil diri mereka untuk melaksanakan sesuatu tugas dengan jayanya. Beliau juga membuktikan bahawa "self-efficacy" merupakan faktor di mana setiap orang menunjukkan hasil signifikan dalam kehidupan.

Satu isu penting yang dihadapi oleh pembelajaran orang dewasa adalah bagaimana dapat mengekal dan membangun motivasi pelajar. Motivasi yang rendah akan membawa kepada pencapaian pembelajaran yang lemah, manakala motivasi yang tinggi akan membawa pencapaian pembelajaran yang cemerlang dan pelajar tersebut akan bersikap positif semasa menghadapi masalah. (Warren, 1999). Menurut beliau, terdapat 2 jenis motivasi iaitu motivasi ektrinsik dan intrinsik. Motivasi ektrinsik merupakan dorongan luaran misalnya dalam bentuk insentif seperti mendapat gred yang baik dalam ujian, atau memenangi hadiah dalam bentuk hukuman kerana mendapat gred yang lemah. Motivasi intrinsik merupakan dorongan dalaman yang mendorong pelajar untuk mencapai kejayaan. Motivasi dalaman adalah dipengaruhi oleh motivasi luaran. Motivasi berasal dari diri sendiri, budaya, dan personaliti mempengaruhi persekitaran sosial.

Dalam hasil kajian Parr pada tahun 1991 dan tahun 1996, menujukkan bahawa kebanyakan pelajar dewasa dipengaruhi oleh faktor luaran seperti penderaan semasa

kanak-kanak, dan pengawalan yang serius oleh ibu bapa. Menurut Nichols (1996), motivasi ektrinsik harus dikekalkan secara berterusan manakala motivasi intrinsik boleh dibangun semula oleh pelajar dewasa. Menurut Kelsuius et al., (1997); Hary dan Boaz (1997), pelajar dewasa yang mempunyai motivasi intrinsik dan kemahiran Self-Regulated (SRL) akan mempunyai kepercayaan yang positif terhadap keefektifan pembelajaran.

Tambahan pula, teori Keperluan Manusia Abraham Maslow juga mempengaruhi motivasi pelajar dewasa dalam pencapaian pembelajaran. Maslow (1968) dalam Richard Pettinger (1997) menyatakan bahawa motivasi datang dari keperluan individu. Mengikut Teori Keperluan Manusia Maslow (1968) manusia mempunyai beberapa keperluan mengikut peringkatnya. Keperluan untuk mendapatkan penghormatan, kedudukan dan harga diri di mana manusia perlu diiktiraf sebagai orang yang ada maruah dan harga diri dalam kehidupan. Justeru, individu mempunyai keinginan untuk menjadi seorang ahli dalam bidangnya untuk menunjukkan bahawa dia seorang yang bijak, cekap dalam pelbagai keahlian. Kejayaan yang dicapai memerlukan penghargaan dan pengiktirafan supaya berasa lebih rela untuk meningkatkan motivasi. Maka, orang dewasa sentiasa mengambil peluang yang sedia ada untuk melanjutkan pelajaran walaupun terdapat halangan.

Keperluan untuk dihargai terhadap pencapaian atau kedudukan seseorang itu menjadi satu dorongan untuk terus berusaha dan merasakan dirinya mempunyai nilai yang tinggi, terutama jika dihormati oleh orang lain. Walaupun seseorang pelajar dewasa itu mempunyai tahap pembelajaran yang lemah tetapi dia juga memerlukan penghargaan

daripada pensyarah, rakan sejawat dan orang ramai, terutama dalam aspek bekerjasama supaya tugas mereka menjadi ringan.

Tahap yang paling tinggi yang ingin dicapai oleh manusia ialah tahap kepuasan diri dari segi emosi, jasmani, intelek, fizikal, spiritual dan psikologikal. Pada tahap ini manusia berupaya menggunakan dan mengiktiraf segala potensi yang ada pada dirinya. Individu yang mencapai tahap ini berasa aman dengan diri sendiri dan mencapai kepuasan diri. Mereka tidak lagi mencari-cari motivasi, bahkan boleh bergerak dengan sendiri semata-mata kerana telah mencapai ketenangan dan kepuasan diri. Walau bagaimanapun, tidak ramai manusia dapat mencapai tahap ini kerana biasanya kita masih lagi dalam tahap ketiga atau keempat dan sering berusaha untuk mencapai tahap kelima.



Rajah 2.1: Teori Keperluan Manusia Abraham Maslow

2.6 Persekutaran Pembelajaran

Menurut Schlossberg, Lynch & Chickering (1989) dalam Mackinnon-Slaney, Fiona (1994) menyatakan bahawa kemudahan persekitaran pembelajaran merupakan satu elemen yang penting untuk membantu pelajar dewasa belajar. Persekutaran pembelajaran adalah fizikal, sosial dan psikologikal di mana seseorang itu membesar dan belajar. Kita sentiasa berinteraksi dengan persekitaran pembelajaran setiap masa. Secara umumnya, setiap persekitaran merupakan persekitaran pembelajaran. Ia berkongsi dengan beberapa kriteria yang unik dan istimewa yang boleh membentuk corak tingkah laku. Struktur persekitaran pembelajaran membentuk peluang, persepsi dan harapan kepada semua orang (Blocher, 2000).

Menurut Drs. Asmin, M. Pd. (t.t.), keperluan jumlah penerangan semakin besar dalam sesuatu situasi belajar adalah disebabkan peningkatan umur. Contohnya, seorang pelajar yang berumur 20 tahun memerlukan 100 Watt cahaya, maka pada berumur 40 tahun memerlukan 145 Watt. Persepsi kontras warna cenderung ke arah merah daripada spektrum juga diperlukan kerana menguningnya kornea, sehingga cahaya yang masuk agak terasing. Maka warna cerah yang kontras untuk alat-alat peraga diperlukan.

Tisdell (1995) dalam Susan Imel (1995) memberi cadangan bahawa persekitaran pembelajaran harus mempunyai tiga tahap, iaitu penyesuaian dengan pelbagai aktiviti andragogi, memberi pertimbangan kepada keperluan dan kehendak institusi dan membayangkan perubahan keperluan daripada sosial. Hal ini disebabkan pelajar dewasa adalah golongan yang berbeza daripada pelajar muda.

Menurut Nunn (1998), McFadzean dan Mckenzie (2001), bagi menjamin kolaboratif persekitaran pembelajaran yang berkesan, pensyarah harus menyokong pelajar dengan memastikan mereka dalam persekitaran yang sihat dan selamat supaya mudah meluahkan pendapat dan idea yang bernalas. Tambahan pula, pensyarah mestilah mengalakkan kreativiti, struktur pembelajaran, dan komunikasi yang efektif. Pembangunan fizikal persekitaran pembelajaran dan mikro komponen fizikal seperti penyusunan kedudukan bilik bacaan, dan ruang bilik.

Pratt (1984) dalam Burton R. Sisco (1991), memberi cadangan bahawa persekitaran pembelajaran perlu direka bentuk dengan sebaik-baiknya. Hal ini disebabkan oleh persekitaran pembelajaran yang lengkap akan mempengaruhi pelajar dewasa untuk belajar. Terdapat sesetengah pelajar dewasa memerlukan situasi yang sebenar untuk belajar.

Sebagai sokongan dari segi kemudahan infrastruktur, persekitaran pembelajaran pelajar dewasa mestilah mempertimbangkan keperluan fizikal dan mental mereka. Menurut Rogers (1989) dalam Imel, Susan (1994), menyatakan bahawa pensyarah perlu mengimbangkan perhubungan baik dengan pelajar dewasa. Terdapat pelajar dewasa yang suka menanya soalan dan berkongsi ilmu yang telah dipelajari. Selain itu, pelajar dewasa juga dibahagikan kepada kumpulan kecil untuk melakukan tugas kumpulan. Kaedah ini akan mengeratkan perhubungan antara satu sama lain dan memberi sumbangan masing-masing. Mereka berpeluang menyelesaikan masalah dalam tugas kumpulan.

2.7 Sikap

Sikap adalah suatu konsep yang amat penting dalam psikologi sosial. Terdapat beberapa teori sikap (Mann 1969, Secord dan Backman, 1964 dalam Y. Bagus Wismanto (t.t.)), teori keseimbangan diperkenalkan oleh Heyder, teori kesesuaian dibangunkan oleh Tannenbaum, dan teori kognitif yang dikemukakan oleh Festinger serta teori lain.

Allport (1935), Bem (1970), Petty & Cacioppo (1981), menyatakan bahawa sikap merupakan perasaan suka dan tidak suka terhadap sesuatu objek ataupun seseorang yang mempengaruhi tingkah laku kita. Sikap juga merupakan aspek penting dalam menentukan tindakan seseorang sama ada tindakan positif atau negatif.

Thurstone (1946), seorang pelapor dalam pengukuran sikap memberi definisi "*the intensity of positive or negative affect for or against a psychological object*" (p.39). Beliau juga membenarkan kita menginterpretasi sikap seseorang baik atau tidak baik terhadap objek atau situasi yang diberikan. Selain itu, ahli-ahli psikologi sosial, iaitu Martin Fihbein dan Icek Ajzen (1975), membentuk definisi daripada Thurstone bahawa sikap sebagai satu sifat yang dipelajari dan tahan untuk bergerak balas sama ada disukai atau tidak disukai terhadap sesetengah orang, kumpulan, idea, atau situasi. Tujuan mereka menggunakan definisi ini adalah kerana sikap boleh dipelajari, mudah berubah dan ia dapat menentukan tingkah laku individu.


Sesuatu objek yang kita menyukai atau tidak menyukai boleh ditentukan melalui tingkah laku individu. Misalnya, pelajar dewasa akan mendekati sesuatu subjek atau mengelakkan bahan bacaan sesuatu subjek yang tidak disukai. Oleh itu, sikap boleh menjelaskan bahawa betapa mendalam seorang pelajar dewasa menyukai belajar.

Para psikologi sosial mendefinisikan sikap sebagai satu kepercayaan yang boleh mempengaruhi individu bertindak dalam keadaan tertentu. Definisi ini terdiri daripada tiga komponen iaitu, kognisi, efektif dan tingkah laku (Lahey, 1983). Misalnya, pertama adalah prestasi kepercayaan di mana pelajar mempercayai bahawa pembelajaran orang dewasa dapat mempertingkatkan prestasi mereka. Kedua, perasaan suka atau tidak suka belajar dan ketiga tingkah laku yang menentukan sama ada pelajar dewasa cenderung berusaha untuk menyiapkan tugas atau tidak. Menurut Lahey (1983), sikap dipelajari secara langsung daripada pengalaman lepas dan orang lain.

Eagly dan Chaiken (1993), menerangkan sikap sebagai satu kecenderungan psikologi dibentuk melalui penilaian terhadap sesuatu objek atau situasi. Allport (1935) dalam kajiannya menerangkan bahawa sikap adalah satu keadaan kesediaan mental dan saraf yang tersedia, tersusun melalui pengalaman. Situasi ini akan berupaya mempengaruhi tindak balas individu.

Para ahli psikologi sosial selalu merumuskan bahawa sikap mempunyai tiga komponen yang penting iaitu komponen efektif, komponen tingkah laku dan komponen kognisi. Komponen efektif mewakili emosi seseorang terhadap sesuatu objek sikap sama

ada positif atau negatif, komponen tingkahlaku pula mewakili tindakan seseorang terhadap objek sikap dan komponen kognisi mewakili kepada kepercayaan dan pemikiran tentang sesuatu objek sikap (Feldman, 1996). Triandis (1971) menyatakan bahawa sikap terdiri daripada komponen efektif, kognitif, dan tingkahlaku. Komponen efektif merupakan emosi atau perasaan suka atau tidak suka terhadap sesuatu objek. Komponen kognitif merupakan kepercayaan. Dengan kata lain, individu memegang kepada kepercayaan terhadap sesuatu objek yang dapat meningkatkan kualiti output seseorang dan komponen tingkahlaku pula adalah tindakan atau niat untuk melakukan sesuatu (Al-Khaldi & Al-Jabri, 1998).



Rajah 2.2: Model Kognitif Sikap

(Sumber: Daripada Breckler, 1984)

2.8 Pencapaian Pembelajaran

Kebanyakan penyelidikan tentang gaya pembelajaran datang dari usaha Shuell (1992); Kolb (1976); Gregorc, Fischer & Fischer (1979); Keefe (1982); Garger & Guild (1984); Chuild (1986); Riding & Sadler-Smith (1992); Jonassen & Grabowski (1994) dan Dunn & Dunn (1978, 1992, 1993) dalam Chee Kim Ming (t.t.). Secara amnya, mereka merujuk gaya pembelajaran kepada persepsi dan cara pemprosesan maklumat yang konsisten seseorang pelajar dewasa semasa belajar sesuatu konsep.

Pada tahun 1979, Saljo dalam Chee Kim Ming (t.t.) telah mengembangkan konsep pembelajaran dengan menjalankan satu penyelidikan lain atas 90 orang dewasa yang mengalami pengalaman pembelajaran yang berbeza. Daripada temubual dengan responden-responden, beliau mendapati bahawa terdapat responden mempunyai idea umum tentang pembelajaran. Mereka menganggap pembelajaran sebagai satu aktiviti menghafal fakta dan maklumat yang dipelajari. Manakala responden lain menganggap pembelajaran sebagai sesuatu yang boleh dirancang dan dianalisis.

Entwistle & Ramsden (1983) dalam Chee Kim Ming (t.t.), telah mengenalpasti pendekatan pembelajaran jenis ketiga yang dikenali sebagai pendekatan pembelajaran pencapaian. Justeru, mereka mendapati bahawa kumpulan pelajar universiti yang mengamalkan pendekatan pembelajaran ini lebih mengutamakan pembelajaran untuk mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan. Biasanya, mereka menaruh usaha yang gigih untuk mencapai kejayaan atau prestasi tinggi dalam peperiksaan mereka.

Pelajar yang lebih tua akan memilih pendekatan pencapaian berbanding dengan pelajar yang lebih muda. Ini mungkin disebabkan oleh peperiksaan mempengaruhi kerjaya dan masa depan mereka. Hal ini disokong oleh kajian Watkins & Maznah (1994) dalam Chee Kim Ming (t.t.) di kalangan pelajar sekolah di Malaysia dan Biggs (1992) di Australia.

Pada tahun 1968 Enstwistle telah menggunakan (Aberdeen Academic Motivation Inventory) untuk menjalankan penyelidikan terhadap 2,707 pelajar sekolah di Aberdeen. Pada tahun 1970, beliau mengulangi penyelidikan yang sama ke atas pelajar universiti dan 118 pelajar perguruan. Borang soal selidik yang berkaitan dengan motivasi akademik dan kaedah belajar telah diambil untuk menjalani kajian ini. Pada tahun yang seterusnya, beliau mengulangi kajian ini dengan sampel yang berlainan, terhadap pelajar maktab perguruan sebanyak 562 dan 190 pelajar politeklinik.

Menurut Romainville (1994) dalam Amy P. Willis (t.t.) membincangkan bahawa pencapaian pembelajaran adalah berkaitan dengan metakognitif, beliau mendapati bahawa pencapaian yang tinggi adalah menggunakan metakognitif pengetahuan dan kognitif berdasarkan tahap pencapaian yang berbeza.

Knowles et al. (1998), menyatakan pelajar dewasa yang akan bermotivasi dalam pembelajaran apabila mereka mempercayai bahawa ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai, permaianan dan sikap akan diaplikasi dalam kehidupan mereka. Dengan ini, mereka

akan berusaha untuk mencapai keputusan yang cemerlang. Di samping itu, tahap metakognisi juga mempengaruhi motivasi dalam pencapaiannya.

2.9 Kesimpulan

Bab ini meninjau kajian-kajian yang lepas ke atas pembelajaran orang dewasa, dan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran seperti umur, jantina, keluarga, motivasi, persekitaran pembelajaran, dan sikap. Keluarga merupakan elemen yang utama untuk memberi galakkan kepada pelajar dewasa. Seseorang pelajar dewasa perlu bersikap positif dalam menerima pembelajaran orang dewasa. Malah ada sesetengah berpendapat bahawa pengambilan pendidikan orang dewasa mempunyai hubungan secara langsung dengan tahap umur. Motivasi yang tinggi akan memberi semangat kepada pelajar dewasa untuk mencapai prestasi yang cemerlang dalam pembelajaran mereka. Persekitaran pembelajaran juga mempengaruhi proses pembelajaran pelajar dewasa. Dengan itu, kajian ke atas faktor-faktor tersebut sama ada hubungan yang rapat dalam proses pembelajaran pelajar dewasa.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Penerangan dan huraian dengan terperinci mengenai kaedah kajian dan pengukuran data yang diperolehi akan dijalankan dalam kajian ini. Ini merangkumi penjelasan elemen-elemen, seperti bentuk kajian, populasi kajian, sampel kajian, teknik pengumpulan kajian, analisis data dan kesimpulan.

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk penyelidikan peninjauan iaitu kajian melalui peninjauan deskriptif ke atas responden dari sampel yang dipilih daripada

populasi yang ditetapkan dengan menggunakan borang soal selidik. Sebanyak 55 borang soal selidik diedarkan kepada responden di Unimas.

Tinjauan kajian ini direka bentuk bertujuan untuk menentukan perhubungan antara dua pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar dewasa. Manakala pembolehubah tidak bersandar ialah faktor yang mempengaruhinya misalnya, umur, jantina, keluarga, motivasi, persekitaran pembelajaran, dan sikap.

3.2 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang terletak lebih kurang 15 kilometer dari Bandar Kuching, Kota Samarahan, Sarawak. Unimas mempunyai 8 fakulti dan seramai 5,000 hingga 7,000 orang pelajar.

Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) telah ditubuhkan pada 1 Oktober 1992. Penubuhan Unimas telah diumumkan oleh Menteri Pendidikan, YB Datuk Amar Dr. Sulaiman Haji Daud. Selaras dengan itu, Dato' Profesor Dr. Zawawi Ismail telah menjadi Naib Canselor pertama Unimas. Unimas terletak di Kota Samarahan yang merupakan sebuah kawasan yang sedang membangun dalam beberapa tahun akan datang.

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) telah ditubuhkan pada Ogos 1993. FSKPM menumpukan pengajian yang berkaitan dengan minda, teknologi dan pembangunan manusia. FSKPM telah menawarkan salah satu program di peringkat prasiswazah iaitu program pendidikan.

Program pendidikan menawarkan Program Pensiswazahan Khas Guru (PKPG) iaitu program anjuran bersama dengan Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Program PKPG menawarkan pengkhususan dalam bidang sains dan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (ESL). Program ini dalam perkhidmatan bagi guru sekolah dan tempoh pengajian adalah selama tiga tahun. Program PKPG Sains dikendalikan bersama dengan Fakulti Sains dan Teknologi Sumber.

3.3 Populasi dan Persampelan Kajian

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada semua pelajar PKPG di Unimas iaitu Fakulti Pembangunan Sumber Manusia dan Fakulti Sains Teknologi Sumber yang terdiri daripada Program Inggeris sebagai Bahasa Kedua (ESL), Program Sains (Biologi), Program Sains (Kimia), dan Program Teknologi Maklumat.

Terdapat 55 borang soal selidik dikutip balik untuk melihat keputusan yang akan mengenai faktor yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran di kalangan PKPG. Saiz sebenar sampel dalam kajian ini didapati adalah dengan menggunakan “purposive sample”. Sampel ini adalah salah satu pendekatan untuk

memilih individu yang paling sesuai untuk membantu saya memahami fenomenon. Dalam kajian ini saya memilih pelajar PKPG sebagai sampel, hal ini membolehkan saya mendapat maklumat yang terperinci.

3.4 Instrumen Kajian

Teknik yang digunakan untuk mengumpul data adalah berdasarkan kepada dua data utama, iaitu data primer dan data sekundar. Pengumpulan kedua-dua jenis data ini bertujuan untuk menjamin hasil kajian yang diperolehi adalah tepat dan betul.

Tujuan borang soal selidik digunakan adalah seperti berikut:

- (a) murah dan cepat
- (b) mempunyai sampel secara menyeluruh dan tersebar dengan luasnya terutama sampel yang terletak berselerak dalam jarak yang luas.
- (c) Kaedah ini memakan masa yang singkat sahaja semasa menjalankan segala kerja menyelidik, misalnya kaedah ini memerlukan masa yang singkat untuk menghantar borang soal selidik dan menerima jawapan dalam jangka masa yang singkat.

(Wan Jaafar Wan Endut & Jamilah Mahmood, 1992)

3.4.1 Data Primer – Soal Selidik

Data primer adalah data yang dikumpul secara langsung daripada individu yang berkhidmat di tempat kajian. Borang soal selidik dibentuk berdasarkan objektif kajian

dan kesesuaian dengan keadaan lokasi kajian. Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini merupakan soal selidik yang diubahsuai daripada penulisan ilmiah, dibina sendiri dan soalan juga diambil serta diubahsuai daripada buku atau jurnal yang membincangkan perkara yang sama.

Borang soal selidik kajian yang dibuat dalam bentuk soal selidik tertutup (closed-ended) iaitu dengan pemilihan soalan yang berbentuk pelbagai pilihan. Soal selidik juga berbentuk "self administrated". Soalan sedemikian dibentuk oleh pengkaji kerana mudah dijawab oleh responden sendiri dengan tepat dan cepat. Soal selidik disediakan dalam satu bahasa, iaitu bahasa Melayu untuk memudahkan permahaman responden.

Setiap borang soal selidik yang dilengkapi oleh responden adalah sulit dan tidak dirujuk kepada pihak lain. Maklumat dalam borang soal selidik hanya untuk tujuan akademik sahaja supaya mengurangkan kebimbangan responden semasa menjawab soalan serta menjamin mutu jawapan yang diperolehi.

Terdapat 3 bahagian utama dalam borang soal selidik ini.

Bahagian A

Bahagian ini adalah untuk mengetahui maklumat demografi responden. Hanya 3 item yang diuji dalam kajian ini iaitu umur, jantina dan PNGK.

Bahagian B

Bahagian ini terbahagi kepada 4 sub-bahagian bertujuan untuk mengukur pengaruh faktor terhadap pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar PKPG antara faktor adalah keluarga, motivasi, persekitaran pembelajaran, dan sikap. Setiap sub-bahagian mempunyai 6 kenyataan dan terdiri daripada 3 kenyataan positif dan 2 kenyataan negatif dan sebaliknya.

Bahagian C

Bahagian ini mempunyai 6 pernyataan yang terdiri daripada 5 kenyataan positif dan 1 kenyataan yang bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian pembelajaran. Pernyataan ini telah dipetik daripada satu kajian yang telah dijalankan oleh Chee Kim Mang yang bertajuk pendekatan pembelajaran di kalangan pelajar ekonomi di Universiti Sains Malaysia.

Dalam borang soal selidik ini, skala likert digunakan. Tujuan skala likert ini digunakan untuk mendapatkan pendapat daripada responden sama ada bersetuju atau tidak bersetuju terhadap kenyataan kajian ini.

Skor	Pilihan
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Setuju
4	Sangat Setuju

Jadual 3.1 Kategori Responden

3.4.2 Data Sekunder

Pengumpulan data sekunder melibatkan peringkat mengkaji maklumat daripada bahan bertulis. Peringkat ini adalah asas kepada kajian dan membentuk rangka kerja untuk kajian dan seterusnya. Sumber bertulis terdiri daripada buku-buku, jurnal, majalah, tesis dan artikal. Kebanyakan sumber bertulis diperolehi dari Pusat Khidmat Akademik (PKMA) Unimas, Perpustakaan Dewan Bandaraya Kuching Utara, dan alat elektronik.

3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan dengan memilih 20 orang pelajar dewasa tahun satu di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Tujuan kajian rintis ini adalah untuk memastikan soalan yang akan dikemukakan kepada responden nanti adalah menepati kehendak kajian. Ini juga penting untuk melihat sejauh mana kefahaman pelajar dewasa terhadap borang soal selidik.

Objektif utama kajian rintis dijalankan adalah untuk menentukan indeks kebolehpercayaan instrument kajian, menguji kefahaman dan reaksi responden serta mengenal pasti sama ada terdapat soalan-soalan yang mengelirukan responden yang perlu diperbetulkan dalam soal selidik yang digunakan.

Dalam kajian ini, ujian kebolehpercayaan telah dijalankan ke atas 20 orang responden daripada keseluruhan populasi. Penyelidik telah menggunakan analisis Cronbach Alpha untuk tujuan ini. Ujian rintis dilakukan supaya soalan yang dibentuk mempunyai tahap kebolehpercayaan yang boleh digunakan untuk kajian di UNIMAS.

Analisis ini telah dikaji berdasarkan borang soal selidik yang telah diisi oleh 20 orang responden dari Unimas pada 15 haribulan Oktober 2004 dan responden telah diberikan masa selama setengah jam untuk mengisi borang soal selidik sebelum diserahkan balik untuk dibuat analisis. Kemudian, ujian alpha-cronbach ini telah dikaji berdasarkan

keempat-empat faktor yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar dewasa seperti keluarga, motivasi, persekitaran pembelajaran dan sikap.

Keputusan ujian kebolehpercayaan secara keseluruhannya adalah 0.7866. Keputusan ujian rintis menunjukkan bahawa item soalan yang dibentuk adalah boleh dipercayai kerana menurut indek kebolehpercayaan Jaccard dan Becker (1990), tahap miniman bagi kebolehpercayaan yang diterima adalah +0.5. Dengan itu, hasil yang diperolehi adalah lebih dari 0.5, maka soalan-soalan tersebut boleh digunakan untuk kajian sebenar.

Semasa ujian rintis dilakukan, responden adalah digalakkan untuk mengemukakan soalan sekiranya terdapat kekaburan dalam soal selidik. Pertanyaan ini boleh meliputi kesalahan penggunaan perkataan, tatabahasa dan sebagainya. Justeru, para responden berpeluang memberi pandangan, kritikan, dan komen terhadap borang soal selidik. Situasi ini akan membantu pengkaji memperbaiki borang soal selidik.

3.6 Pengumpulan Data

Borang soal selidik mula diedarkan dengan bantuan rakan-rakan daripada pelajar PKPG. Ketepatan hasil kajian adalah bergantung kepada kejujuran responden dalam menjawab soalan dalam borang soal selidik.

3.7 Penganalisaan Data

Proses penganalisaan data dijalankan dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For Social Science*) Versi 11. Program SPSS ini adalah satu sistem perisian yang lengkap untuk mengurus dan menganalisis data yang banyak dan berulang dalam bentuk statistik. Oleh kerana kajian ini adalah berdasarkan borang soal selidik, maka teknik menganalisis data terbahagi kepada statistik deskriptif dan statistik inferensi.

3.7.1 Kaedah Statistik Deskriptif

Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan keputusan dan menghuraikan ciri-ciri demografi responden. Skala likert telah digunakan untuk mengukur pengelasan persetujuan ke atas faktor-faktor tersebut.

3.7.2 Kaedah Statistik Inferensi

Satistik inferensi membolehkan inferensi dibuat kepada kumpulan yang lebih besar. Terdapat tiga jenis statistik inferensi yang digunakan dalam kajian ini, iaitu ANOVA (One Way Analysis of Variance), Ujian - T (t - Test), dan Ujian Kolerasi Pearson r.

3.7.2.1 ANOVA (One Way Analysis of Variance)

Menurut Graziano & Raulin (2000), Ujian ANOVA (One Way Analysis Of Variance) digunakan untuk menguji faktor umur, hal ini disebabkan mempunyai lebih daripada dua kumpulan dan ingin mengkaji min yang berbeza di kalangan kumpulan, maka Ujian ANOVA merupakan ujian yang paling sesuai digunakan.

3.7.2.2 Ujian-T (T-Test)

Menurut Salkind (2003), Ujian – T akan digunakan untuk menguji faktor jantina. Ujian ini adalah ujian statistik inferensi yang digunakan menguji signifikan antara dua min atau kumpulan pembolehubah tak bersandar yang berbeza, misalnya lelaki dan perempuan.

3.7.2.3 Ujian Kolerasi Pearson r

Pekali korelasi Pearson 'r' akan digunakan untuk menguji hispotesis kajian ini. Ia merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengukur kolerasi antara dua pembolehubah darjah linear.

Keteguhan hubungan antara pembolehubah ditentukan dengan menggunakan indeks keteguhan yang juga dikenali sebagai petunjuk kepada kekuatan atau keteguhan di antara satu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain.

Pearson r (Product Moment Correlation Coefficient) didefinisi sebagai korelasi koefisien yang mengkaji tahap perhubungan linear antara pembolehubah yang melibatkan skala interval atau skala nisbah. Ujian Korelasi Pearson r digunakan untuk mengkaji hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran. Faktor-faktor yang diuji adalah faktor keluarga, motivasi, persekitaran pembelajaran, dan sikap. Nilai pekali korelasi terletak di antara -1 dan +1. Nilai r menentukan perhubungan antara dua pembolehubah. Menurut Best dan Khan (1989), cara untuk menginterpretasi kategori korelasi koefisien r adalah berikut:

Nilai r	Hubungan Antara Pembolehubah
0.00 – 0.20	Korelasi sangat lemah
0.20 – 0.40	Korelasi lemah
0.40 – 0.60	Korelasi serdahana
0.60 – 0.80	Korelasi kuat
0.80 – 1.00	Korelasi sangat kuat

Jadual 3.2 Kategori Nilai Korelasi Koefisien

3.8 Pengiraan Skor bagi Pencapaian Pembelajaran

Pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar dewasa UNIMAS terhahagi kepada tiga, iaitu tahap pencapaian tinggi, pencapaian sederhana, dan pencapaian rendah. Berikut merupakan pengelasan persepsi yang telah dibuat oleh Runyon dan Haber (1991).

Terdapat 6 item dalam bahagian C, maka skor tertinggi yang terdapat adalah 24, iaitu diperolehi daripada skala likert tertinggi darab dengan item (4×6). Manakala skor terendah adalah sebanyak 6, iaitu diperolehi daripada skala terendah daripada skor terendah darab dengan item (1×6).

Formula pengiraan skor perspektif adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{(a) Skor Tertinggi} - \text{Skor Terendah} &= 24 - 6 \\ &= 18 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{(b) Jumlah skor} &= 1 + (\text{Skor Tertinggi} - \text{Skor Terendah}) \\ &= 1 + 18 \\ &= 19 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{(c) Jumlah skor/bilangan nombor kelas} &= 19/3 \\ &= 6.33 \approx 6 \dots\dots \text{(i)} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}(d) \text{ Skor maksima bagi kelas pertama} &= (i - 1) + \text{Skor Terendah} \\&= (6 - 1) + 6 \\&= 5 + 6 \\&= 11 \dots\dots (j)\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}(e) \text{ Skor maksima bagi kelas kedua} &= (i - 1) + (j + 1) \\&= (6 - 1) + (11 + 1) \\&= 5 + 12 \\&= 17 \dots\dots (k)\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}(f) \text{ Skor maksima bagi kelas ketiga} &= (i - 1) + (k + 1) \\&= (6 - 1) + (17 + 1) \\&= 5 + 18 \\&= 23\end{aligned}$$

Oleh itu, julat skor bagi kelas pertama adalah 6 hingga 11 yang menunjukkan tahap pencapaian pembelajaran yang rendah di kalangan pelajar dewasa. Bagi kelas kedua pula, julat skornya adalah 12 hingga 17. Manakala, kelas ketiga adalah berjulat skornya 18 hingga 24.

Skor pengelasan tahap pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar dewasa telah ditunjukkan di jadual berikut:

Skor	Tahap Pencapaian Pembelajaran
18 – 24	Tinggi
12 – 17	Sederhana
6 – 11	Rendah

Jadual 3.3 Tahap Pencapaian Pembelajaran

3.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini memperjelaskan rekabentuk kajian yang dijalankan. Dalam borang soal selidik yang digunakan pula diterangkan akan bahagian-bahagian tertentu dan cara pengukuran untuk tahap-tahap faktor yang berbeza. Seterusnya kajian rintis dilakukan untuk menentukan sama ada soalan-soalan yang dibentuk mencapai tahap minima bagi kebolehpercayaan yang ditetapkan dan seterusnya akan digunakan untuk kajian yang sebenar. Setelah diedar, data kemudiannya dikumpul dan dianalisi menggunakan statistik inferensi dan statistik deskriptif.

BAB 4

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan yang diperolehi untuk analisis data kajian berdasarkan kepada hipotesis kajian dalam bab 1. Perkara-perkara yang dibincangkan adalah perkaitan antara faktor jantina, keluarga, motivasi, persekitaran pembelajaran, dan sikap.

4.1 Taburan Demografi Responden

4.1.1 Faktor Jantina Responden

Jadual 4.1 menunjukkan 52.73 peratus responden adalah perempuan dan 47.27 peratus responden adalah lelaki yang telah dipilih.

Jantina	Bilangan (N)	Peratus (%)
Perempuan	29	52.73
Lelaki	26	47.27
Jumlah	55	100

Jadual 4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina

4.1.2 Faktor Umur Responden

Berdasarkan maklumat yang dikumpulkan, taburan umur responden paling ramai berada dalam lingkungan umur 31 -35 tahun, iaitu sebanyak 54.5% (n=30). Kumpulan kedua besar adalah dalam lingkungan umur 36-40 tahun iaitu sebanyak 13 orang (23.64%). 25-30 tahun iaitu seramai 12 orang (n=21.82%) dalam kumpulan umur ini.

Umur (Tahun)	Bilangan (N)	Peratus (%)
25-30 tahun	12	21.82
31-35 tahun	30	54.54

36-40 tahun	13	23.64
Jumlah	55	100

Jadual 4.2 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Berdasarkan Umur

4.2 Pengujian Hipotesis

4.2.1 Hipotesis Nul (H_0)

H_0 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori umur dan pencapaian pembelajaran.

Jadual 4.3 menunjukkan keputusan ujian ANOVA (One Way Analysis of Variance) bagi faktor umur dan pencapaian pembelajaran.

Faktor	Nilai F	Nilai P
Umur	1.499	0.233

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa keputusan ANOVA (One Way Analysis of Variance) adalah 0.233 ($\text{sig.} > 0.05$), jadi nul hypothesis ini diterima.

Menurut Mohammadi (1996) menyatakan bahawa umur adalah tidak perbezaan signifikan antara umur dan pencapaian pembelajaran. Seseorang pelajar dewasa pada peringkat umur sama ada muda atau tua tidak mempengaruhi pencapaian pembelajaran.

4.2.2 Hipotesis Nul (Ho2)

Ho 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dan pencapaian pembelajaran.

Jadual 4.4 menunjukkan keputusan ujian T-Test bagi faktor jantina dan pencapaian pembelajaran.

Faktor	Nilai t	df	P
Jantina	-0.895	53	.375

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa keputusan ujian T-Test nilai t adalah -0.895 iaitu mempunyai hubungan signifikan dan pencapaian pembelajaran. Nilai p = 0.375, jadi hipotesis nul diterima.

Hasil dapatan kajian menyatakan bahawa jantina tidak mempengaruhi pencapaian pembelajaran. Hasil dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian lepasan yang dikaji. Terdapat pengkaji menyatakan bahawa pelajar dewasa perempuan dengan pelajar dewasa lelaki mempunyai pendekatan belajar yang berbeza (seperti dalam kajian lepasan

Belenky, Clinchy, Goldberg, & Tarule, 1986; Knowles 1984; Luttrell, 1989; Merriam & Caffarella, 1991 dalam Marcia J.Belcheir 1998). Menurut Belenky dan Colleagues (1986) mendapati bahawa melalui ciri-ciri keyakinan dan pengorbanan terdapat pada pelajar dewasa perempuan telah mencapai pencapaian yang cemerlang. Perlanjutan pelajaran dapat meningkatkan semangat mereka untuk belajar.

4.2.3 Hipotesis Nul (Ho3)

Ho 3: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara faktor keluarga dan pencapaian pembelajaran.

Jadual 4.5 menunjukkan keputusan ujian kolerasi di antara keluarga dan pencapaian pembelajaran.

Faktor	Nilai koefisien r	Nilai signifikan p
Keluarga	.135	.327

Dengan merujuk kepada Jadual 4.5, didapati bahawa keputusan Kolerasi Pearson r, nilai r bagi faktor keluarga ialah 0.135 iaitu mempunyai hubungan kolerasi yang sangat lemah ke atas pencapaian pembelajaran dan nilai $p=0.327$ menunjukkan terdapat tidak hubungan signifikan antara faktor keluarga dan pencapaian pembelajaran. Jadi, hipotesis nul diterima.

Hasil dapatan bercanggah dengan pernyataan Banks (1989) bahawa cara hidup yang kurang selesa juga mempengaruhi pembelajaran seseorang pelajar dewasa secara langsung ke atas keupayaan untuk belajar. Menurut Criscito (1999), tanpa sokongan daripada ahli keluarga mereka sukar mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran.

4.2.4 Hipotesis Nul (Ho4)

Ho 4: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara faktor motivasi dan pencapaian pembelajaran.

Jadual 4.6 menunjukkan keputusan ujian kolerasi antara motivasi dan pencapaian pembelajaran.

Faktor	Nilai koefisien r	Nilai signifikan p
Motivasi	.375**	.005

** kolerasi adalah signifikan pada aras $p < 0.01$ dua hujung

Jadual 4.6 menunjukkan keputusan Kolerasi Pearson r, didapati bahawa nilai $r = 0.375$ iaitu mempunyai hubungan yang lemah ke atas pencapaian pembelajaran. Nilai $p = 0.005$, iaitu $p < 0.01$, maka hipotesis ditolak. Oleh itu, terdapat hubungan signifikan antara motivasi dan pencapaian pembelajaran.

Menurut Warren (1999), pencapaian yang lemah disebabkan oleh tahap motivasi yang lemah manakala pada tahap motivasi yang baik akan membolehkan pelajar mengatasi segala masalah yang dihadapi. Menurut Kelsuius et al., (1997); Hary dan Boaz (1997), pelajar dewasa yang mempunyai motivasi intrinsik dan kemahiran Self-Regulated (SRL) akan mempunyai kepercayaan yang positif terhadap kesefektifan pembelajaran.

4.2.5 Hipotesis Nul (Ho5)

Ho 5: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara faktor persekitaran pembelajaran dan pencapaian pembelajaran.

Jadual 4.7 menunjukkan keputusan ujian kolerasi di antara persekitaran pembelajaran dan pencapaian pembelajaran.

Faktor	Nilai koefisien r	Nilai signifikan p
Persekutuan pembelajaran	.249	.067

Jadual 4.7 menunjukkan keputusan ujian Kolerasi Pearson r, didapati nilai $r = 0.249$ iaitu mempunyai hubungan yang kuat ke atas pencapaian pembelajaran dan nilai $p = 0.067$. Oleh itu, tidak terdapat hubungan signifikan antara persekitaran pembelajaran dengan pencapaian pembelajaran maka hipotesis nul diterima.

Hasil dapatan kajian ini adalah bercanggah dengan kajian lepasan iaitu, Pratt (1988) dalam Stein, David (1998) memberi cadangan bahawa persekitaran pembelajaran perlu direka bentuk dengan sebaik-baiknya. Hal ini disebabkan oleh persekitaran pembelajaran yang lengkap akan memberi keselesaan pelajar dewasa untuk belajar. Terdapat sesetengah pelajar dewasa memerlukan situasi yang benar untuk belajar. Menurut Schlossberg, Lynch & Chickering (1989) dalam Mackinnon-Slaney, Fiona (1994) menyatakan bahawa kemudahan persekitaran pembelajaran merupakan satu elemen yang penting untuk membantu pelajar dewasa belajar.

4.2.6 Hipotesis Nul (Ho6)

Ho 6: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara faktor sikap dan pencapaian pembelajaran.

Jadual 4.8 menujukkan keputusan ujian kolerasi antara sikap dan pencapaian pembelajaran.

Faktor	Nilai koefisien r	Nilai signifikan p
Sikap	.476**	.000

** kolerasi adalah signifikan pada aras $p<0.01$ dua hujung

Jadual 4.8 menujukkan keputusan ujian Kolerasi Pearson r, didapati nilai $r = 0.476$ iaitu menpunyai hubungan sedarhana ke atas pencapaian pembelajaran dan nilai p

= 0.000, iaitu $p < 0.001$. Oleh itu, terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dan pencapaian pembelajaran maka hipotesis nul ditolak.

Allport, 1935; Bem, 1970; Petty & Cacioppo, 1981, menyatakan bahawa sikap merupakan perasaan suka dan tidak suka terhadap sesuatu objek ataupun seseorang yang mempengaruhi tingkahlaku kita. Sikap juga merupakan aspek penting dalam menentukan tindakan seseorang sama ada tindakan positif atau negatif. Maka, sikap seseorang pelajar dewasa akan mempengaruhi pencapaian pembelajaran.

4.3 Keputusan Pengiraan Skor bagi Pencapaian Pembelajaran

Bilangan Responden			
Tahap	Skor	Kekerapan	Peratusan (%)
Tinggi	18-24	25	45.45
Sederhana	12-17	30	54.55
Rendah	6-11	0	0
Jumlah		55	100.0

Jadual 4.9 Keputusan Pengiraan Skor bagi Pencapaian Pembelajaran Pelajar Dewasa

Keputusan kajian telah menunjukkan bahawa majoriti daripada responden mempunyai tahap pencapaian pembelajaran yang sederhana sebanyak 54.55%. Sebanyak 45.45% atau 25 orang pelajar dewasa mencapai tahap yang tinggi. Manakala tiada pelajar

dalam tahap pencapaian yang rendah. Berdasarkan keputusan tersebut, dapat disimpulkan bahawa pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar dewasa adalah pada tahap memuaskan.

4.4 Keputusan Pencapaian Pembelajaran Berdasarkan Purata Gred Kumulatif (PNGK)

Tahap Pencapaian	Bilangan Responden		
	PNGK	Kekerapan	Peratusan (%)
Lulus Cemerlang	>3.50	9	16.36
Lulus Kepujian	3.00-3.49	15	27.27
Lulus Baik	2.50-2.99	25	45.45
Lulus Lemah	2.00-2.49	6	10.91
Gagal	<2.00	0	0
Jumlah		55	100.0

Jadual 4.10: Keputusan pencapaian pembelajaran seseorang pelajar dalam sesuatu program ditunjukkan dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).

Berdasarkan jadual di atas, menujukkan bahawa kebanyakan pelajar dewasa (45.45%) berada pada tahap pencapaian lulus baik. Tahap pencapaian pembelajaran yang kedua adalah lulus kepujian iaitu melibatkan 27.27%, sebanyak 15 responden. Terdapat sebanyak 10.9% responden mencapai tahap pembelajaran lulus lemah. Manakala tiada responden gagal dalam pencapaian pembelajaran.

4.5 Kesimpulan

Hasil dapatan yang telah dianalisis, didapati bahawa faktor motivasi dan sikap mempunyai pengaruh terhadap pencapaian pembelajaran pelajar dewasa, manakala keluarga dan persekitaran pembelajaran tidak mempengaruhi pencapaian pembelajaran. Perbincangan seterusnya akan melibatkan rumusan dan cadangan dalam bab 5.

BAB 5

RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu rumusan, kesimpulan dan cadangan kajian. Rumusan kajian adalah dilakukan dengan berdasarkan kepada objektif dan dapatan kajian. Kesimpulan dan cadangan kajian pula akan dikemukakan pada bahagian ini supaya kajian ini dapat memberi manfaat kepada organisasi dan pengkaji yang akan datang.

5.1 Rumusan Kajian

Kajian ini dijalankan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang terletak di Kota Samarahan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji faktor mempengaruhi pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar dewasa. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar PKPG tahun dua di Unimas.

Seramai 55 responden berjaya dipilih sebagai “purposive sample” dalam kajian ini. Antaranya, terdapat 29 responden perempuan dan 26 responden lelaki dalam kajian ini. Data kajian ini telah dikumpul dengan menggunakan data primer, borang selidik yang merangkumi aspek-aspek seperti ciri-ciri demografi (umur dan jantina), faktor mempengaruhi pencapaian pembelajaran seperti keluarga, motivasi, persekitaran pembelajaran dan sikap.

Kajian ini telah dijalankan bagi memenuhi objektif yang disenaraikan dalam bab 1. Berdasarkan objektif kajian, hipotesis kajian dibentuk dan diuji dengan menggunakan SPSS (Statistical Package for Social Sciences) Versi 11.0. Data dianalisis melalui statistik deksriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan taburan ciri-ciri demografi responden. Ujian T-Test digunakan untuk menguji sama ada terdapat perbezaan antara perempuan dan lelaki terhadap pencapaian pembelajaran. Ujian pekali kolerasi pearson juga digunakan untuk menguji perkaitan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar.

Terdapat dua aspek demografi iaitu umur dan jantina dikaji, taburan umur responden paling ramai berada dalam lingkungan umur 31 - 35 tahun, iaitu sebanyak 54.5% (n=30). Kumpulan kedua besar adalah dalam lingkungan umur 36-40 tahun iaitu sebanyak 13 orang (23.64%). 25-30 tahun iaitu seramai 12 orang (n=21.82%) dalam kumpulan umur ini.

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungkait antara faktor-faktor seperti keluarga, motivasi, persekitaran pembelajaran, dan sikap mempengaruhi pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar dewasa. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa keluarga dan persekitaran pembelajaran tidak mempengaruhi pencapaian pembelajaran. Manakala faktor motivasi dan sikap mempengaruhi pencapaian pembelajaran.

5.2 Kesimpulan Kajian

Dari hasil dapatan kajian ini, faktor motivasi mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar PKPG (UNIMAS) iaitu $p = 0.000$, $p < 0.005$. Motivasi pelajar dewasa akan mendorong mereka ke arah untuk mencapai suatu kejayaan. (Amstrong, 1999).

Satu isu yang penting dihadapi oleh pembelajaran orang dewasa adalah dapat mengekal dan membangun motivasi pelajar. Motivasi yang rendah akan membawa kepada pencapaian pembelajaran yang lemah, manakala motivasi yang tinggi akan membawa pencapaian pembelajaran yang cemerlang dan pelajar bersikap positif

menghadapi masalah. (Warren, 1999). Menurut beliau, terdapat 2 jenis motivasi iaitu motivasi ektrinsik dan intrinsik. Motivasi ektrinsik merupakan dorongan luaran misalnya dalam bentuk insentif seperti mendapat gred yang baik dalam ujian, secara langsungnya peringkat harga diri dalam teori keperluan manusia Abraham Maslow dicapai. Motivasi intrinsik merupakan dorongan dalaman yang mendorong pelajar untuk mencapai kejayaan. Motivasi dalaman adalah dipengaruhi oleh motivasi luaran. Motivasi berasal daripada diri sendiri, budaya dan personaliti mempengaruhi persekitaran sosial.

Oleh itu, pihak universiti harus memberi motivasi dengan mencipta persekitaran yang sesuai untuk keperluan pelajar dewasa untuk berusaha. Maka, hasil daripada motivasi yang positif akan membawa kejayaan dalam kehidupan pelajar dewasa.

Hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa pencapaian pembelajaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap pelajar dewasa. Eagly dan Chaiken (1993) menerangkan maksud sikap sebagai satu kecenderungan psikologi yang di mana dibentukan melalui penilaian terhadap sesuatu objek atau situasi. Sikap yang positif akan menimbulkan minat pelajar dewasa terhadap proses pembelajaran untuk mencapai kecemerlang dalam ujiannya. Allport (1935) dalam kajiannya menerangkan bahawa sikap adalah satu kesediaan mental dan saraf. Situasi ini akan berupaya mempengaruhi sikap pelajar dewasa dalam pencapaian pembelajaran.

5.3 Cadangan

5.3.1 Cadangan kepada Pihak Organisasi Berdasarkan Keputusan Kajian

Kajian ini merupakan satu penyelidik yang baru kepada UNIMAS. Oleh itu, kajian ini secara tidak langsung memberi gambaran dan cadangan kepada pihak organisasi untuk merangka atau merekabentuk program untuk pelajar PKPG yang lebih berkesan dan bernas untuk melahirkan golongan siswazah yang kompeten dan berdaya saing melalui program pengajian yang kontempori.

- (a) Melalui kajian ini, pihak organisasi akan lebih memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar PKPG. Pihak pensyarah dapat memberi pengajaran dengan senang.
- (b) Pihak organisasi harus mengadakan seminar, bengkal dan ceramah untuk memotivasi pelajar melanjutkan pelajaran.
- (c) Pihak organisasi boleh meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan melalui kempen belajar.
- (d) Untuk meningkatkan pencapaian pembelajaran pelajar PKPG, pihak organisasi harus menyediakan persekitaran pembelajaran yang selesa dan kemudahan infrastruktur dari semasa ke semasa.

5.3.2 Cadangan kepada Pengkaji yang akan Datang

- (a) Penyelidik hanya menjalankan kajian ini di satu institusi pendidikan sahaja. Dengan itu, pengkaji yang akan datang boleh memperluaskan skop kajian ke atas beberapa buah institusi pendidikan yang berlainan untuk membuat perbandingan yang lebih luas.
- (b) Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang berbentuk skala likert. Pengkaji yang akan datang boleh mengemukakan soalan “open-ended”. Di samping itu, pengkaji boleh membuat temuduga dengan responden untuk mendapat lebih banyak pendapat.
- (c) Kajian ini hanya menfokuskan kepada enam faktor sahaja, manakala terdapat faktor lain yang juga mempengaruhi pencapaian pembelajaran pelajar PKPG tidak dikaji. Oleh itu, penyelidik akan datang boleh menumpukan faktor-faktor yang lain seperti kesihatan, sumber kewangan, pekerjaan dan lain-lain.

RUJUKAN

2,848 Guru Ikuti Program Pensiwazahan. (1 April 2002). Berita Harian. Dilayari pada 30 Ogos 2004. <http://www.cikgu.net.my/malay/berita/sekolah22.php3>

Adult Learning (K.P. Cross): Dilayari pada 03 Januari 2005.
<http://www.cyg.net/~iblackmo/diglib/>

Al-Khaldi, M. A. & Al-Jabri, I. M. (1998). *The Relationship of Attitudes to computer utilization: New evidence from a developing nation.* Computer in Human Behavior, 14 (1), pg. 61-77.

Allport, G. W. (1935). *Attitudes.* In C. Murchison (Ed.). *A Handbook of Social Psychology.* (pg. 798 – 844). Worcester, MA: Clark University.

Amstrong (1999). *A Handbook of Human Resource Management Practice.* Kogen Page (US) Limited, USA

Amy P. Willis (t.t.). *Andragogy: An Explanation for College Student Attrition.* Dilayari pada 19 Julai 2004. <http://coestudents.valdosta.edu/apwillis/manuscript.htm>

Bandura, A (1977). *Self-Efficacy: Toward a unifying Theory of Behavioral Change.* *Psychological Review,* pg.191-215. <http://all.successcenter.ohio-state.edu/all-tour/apa99paper.htm>

Banks, D. (1989). *Sosiologi Pendidikan.* Dewasan Bahasa Dan Pustaka, Kementeriaan Pendidikan Malaysia : Kuala Lumpur.

Belenky, M., Clinchy, B., Goldberger, N., & Tarule. J (1986). *Women's Ways of Knowing.* New York: Basic Books.

Bem, D. J. (1970). *Belief, Attitudes and Human Affair*. Pacific Grove, CA: Brooks /Cole.

Best dan Khan (1989). *Research in Education, 6th Edition*. Allyn & Bacon, USA.

Biggs (1992). *A Qualitative Approach to Grading Students*. HERDSA News, 14, 3-6.

Blocher (2000). *Counselling: A Development Approach*, 4th Edition. John Wiley & Son, INC., USA.

Breckler, (1984). *Empirical Validation of Affect, Behavior and Cognition as Distinct Components of Attitudes*. Journal of Education Computing Research, 3(2), Pg.207-218.

Brikey & Rodman (1995). *Adult Learning Styles and Preference for Technology Programs*. <http://www2.nu.edu/nuri/11conf1995/brikey.html>; National University Research Institute.

Burley, Turner, dan Vitulli (1999). *The Relationship Between Goal Orientation and Age Among Adolescents and Adults*. Journal of Genetic Psychology, 160, 84-88

Burton R. Sisco (1991). *Setting the Climate for Effective Teaching and Learning*. New Directions for Adult and Continuing Education. No.50, Summer 1991. Dilayari pada 6 oktober 2004. <http://www-distance.sver.edu/ndacech5.html>

Chee Kim Mang (t.t.). *Pendekatan pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar ekonomi di Universiti Sains Malaysia*. Dilayari pada 10 Ogos 2004. <http://www.geocities.com/penyelidikanm4p/chee-usm.html>

Child, D. (1986). Cognitive Styles: Some Recent Ideas of Relevance to Teachers. In C. Bagley & G. Verma (eds). *Personality, Cognition and Values*. London: Macmillan Press, 171-195.

Criscito, P. (1999). *Barron's Guide to Distance Learning: Degrees, Certificates, Courses*. Hauppauge, NY: Barron's Educational Series, Inc

Cross, P. (1981). *Adults as Learners*. San Francisco: Jossey-Bass, 152-185.

Dewar (1996). *Adult Learning Online*. <http://www.cybercorp.net/~tammy/lo/oned2.html>

Dill & Henley (1998). *Stressors of College: A Comparison of College: A Comparison of Traditional and nontraditional Students*. The Journal of Psychology, 132, 25-32.

Drick Boyd (2004). *The Characteristics of Successful Online Students*. Newhorizonsina Adult Education. Volume 18, Number 2, Spring 2004.

Drs. Asmin, M. Pd (t.t.). *Konsep dan Metode Pembelajaran untuk Orang Dewasa (Andragogi)*. Dilayari pada 19 Mac 2005.
http://www.depdknas.go.id/Jurnal/34/konsep_dan_metode_pembelajaran.htm

Dunn, R. S. & Dunn, K. J. (1978). *Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall Inc.

Dunn, R. S. & Dunn, K. J. (1992). *Teaching Elementary Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach for Grades 3-6*. Bosotn, Mass: Allyn and Bacon.

Dunn, R. S. & Dunn, K. J. (1993). *Teaching Secondary Students Through Their Individual Learning Styles*. Boston, Mass: Allyn and Bacon.

Eagly, A. H.; & Chaiken, S. (1993). *The Psychology of Attitudes*. Harcourt Brace Jovanovich, Inc., USA.

Entwistle & Ramsden (1983). *Understanding Student Learning*. London: Croom Helm.

Feldman, R. S. (1996). Understanding Psychology, 4th Edition. McGraw-Hill, Inc., USA

Fishbein dan Icek Ajzen (1975). *Belief, Attitudes, Intention and Behavior: An Introduction to Theory and Research*. Reading, MA: Addison- Wesley.

Finn, J. D, & Gerber, S. B. (1998) Harrington & Sum, dan forthcoming. *Work, school, and Literacy*. In M. C. Smith (Ed), Literacy for the 21st century: Research, policy, and practice. Westport, CT: Greenwood Publishing Group.

Fischer, B. & Fisher, L. (1979). *Styles in Teaching and Learning*. *Educational Leadership*, Vol. 36, 245-254.

Focus on Basics Adult Development. Volume 5, Issue B October 2001. World Education NCSALL. Dilayari pada 24 Ogos 2004.
http://www.gse.harvard.edu%7Eencsall/fob/2001/fob_5ib.pdf

Foote's (1999). *Student Persistence in Community Colleges*. *Community College Journal of Research and Practice*, 23, 619.

Garger, S. & Guild, P. (1984). Learning Style: The Crucial Differences. *Curriculum Review*, Vol. 23, No. 1, 9-12.

Gary D. Bouma & G. B. J. Atkinson (1995). *A Handbook Of Social Science Research*. Second Edition. OXFORD University Press.

Graziano, A.M. & Raulin, M.L. (2000). *Research Methods: A Process of Inquiry*. 4th Edition. Boston: Allyn and Bacon.

Gregorc, A. F. (1979). *Learning and Teaching Styles: Potent Forces Behind Them*. *Education Leadership*, Vol. 36, 234-236.

Grubb, W. N. (1997). *The returns to education and training in the sub-bacclaure labor market, 1984 – 1990*. Economic of Education Review, 16 (3), 231- 246.

Hartman (1995). *Teaching and Learning Style Preferences: Transitions Through Technology*. VCCA Journal 9, no.2 Summer: 18-20.

Hary dan Boaz (1997). Learner Development beyond the. In : T.E. Cyrs (Eds), *Teaching and at a Distance: what it to Takes to Effectively Design, Deliver and Evaluate Programs*. Pg.41-48. San Francisco: Jossey-Bass.
[Http://www.icce2001.org/cd/pdf/P13/CN100.pdf](http://www.icce2001.org/cd/pdf/P13/CN100.pdf)

Jaccard dan Becker (1990). *Statistics for Behavioral Sciences*. California: Brooks/Cole.

John W. Creswell (2002). *Education Research: Planning, Conducting, and Evaluating Qualitative and Quantitative Research*. ms.193-194. Pearson Education, Inc., Upper Saddle River, New Jersey 07458.

Jonassen, D. H. & Grabowski, B. C. (1994). *Handbook of Individual Differences, Learning and Instruction*. New Jersey: Laawrence Erlbaum Associates.

Journal of Clinical Anesthesia: *Age and anesthetic practice*. Volume 11, Issue 3, May 1999, Pages 175-186. Dilayari pada 28 Julai 2004.
<http://www.sciencedirect.com/science>.

Kearsley (1996). *Andragogy* (M. Knowles). Washington DC: George Washington University. <http://giws2.circ.gwu.edu/~kearsley/knowles.html>

Keefe, J. W. (1982). Assessing Student Learning Styles: An Overview. In J. W. Keefe (ed). *Student Learning Style and Brain Behaviour*. Reston: Va: National Association of Secondary School Principals.

Kelsuius et al., (1997). *Distance Education Compared to Traditional Instruction: The Students' View*. *International Journal of Instructional Media*, 24 (pg.207-227). <http://www.icce2001.org/cd/pdf/P13/CN100.pdf>.

Knowles et al. (1998). *The Adult Learner*, 5th ed. Houston, TX: Gulf.

Knowles, Holton, & Swanson (1998). *The Adult Learner*, 5th ed. Houston, TX: Gulf.

Kolb, D. A. (1976). *Learning Style Inventory: Technical Manual*. Boston, Mass: McBer & Co.

Lahey, S. K.; Malabanan, C. & Ang, A. Y. (1997). *An Introduction Psychology*. 4th Edition. WMC Brown Publisher, USA.

Leardership Project (1995). *Adult Learning Principles & Practice*. Toronto: Sheridan College.

<http://www.sheridanc.on.ca/wwwst/AS/LeadershipProject/adultlearn.html>

Lisa Fall (2000). *Andragogy and Adults: A National Study of a Three-weekend Format*. Dilayari pada 28 Februari 2005. http://www.ccjaonline.org/news/2001/02/20/Fall2000/Andragogy.And.Adults.A.National.Study.A.National.Study.Of.A.ThreeWeekend.Format_54013.shtml

Mackinnon-Slaney, Fiona (1994). *The Adult Persistence in learning Model: A Road Map to Counseling Services for Adult Learners*. Journal Counseling and Development: JCD. Vol.72, Iss.3, pg.268. Dilayari pada 14 Julai 2004.
<http://proquest.umi.com/pqdweb>

Mann (1969). *Social Psychology*. Sydeney: John Wiley & Sons Australia PTY, Ltd.

Maslow (1968) dalam Richard Pettinger (1997). *Introduction to Management*, 2 Edition. Pg. 52-63. Machillan Business.

McDonald & Hutcheson, (1998); Williams, (1998). *Balancing Work, Family, Work, Self and Work Hurts Employees*. The Business Press, 10 (48), 29-30.

Mcfadzeen dan Mckenzie (2001). *Facilitating Virtual Learning Groups: A Practical Approach*. Journal of Management Development.

Mohammadi (1996). *Exploring Retention and Attrition in a Two-year Public Community College*. VCCA Journal, 10. Dilayari pada 19 Julai 2004.
<http://www.br.cc.va.us/vcca/cmoh.html>

Nichols,J.D.(1996). *The Effects of Cooperative Learning on Student Achievement and Motivation in a High School Geometry Class Contemporary*. Education Psychology, 21. <http://node.on.ca/tfl/fiednotes/nunn.html>

Nunn (1993), *Delivering General Education Subject Electronically: Part One. The NODE Technologies of Learning*. Dilayari pada 20 julai 2004.
<http://node.on.ca/tfl/fieldnotes/nunn.html>

Paris & Pareki (1993). *Focus on Basics Adult Development*. Volume 5, Issue B· October 2001. World Education NCSALL. Dilayari pada 24 Ogos 2004.
http://www.gse.harvard.edu%7Enscall/fob/2001/fob_5ib.pdf

Peter Jarvis (1999). *Adult and Countinung Education* Second Edition. London And New York : Routledge.

Petty, R.E.& Cacioppo (1981). *Attitudes and Persuasion: Classic and Contemporary approaches*. Dubuque, IA :WM. C. Brown.

Pratt (1984). "Teaching Adult: A Conceptual Framework for the First Session." Lifelong Learning: An Omnibus of Practice and Research, 1984, 7 (6), 7-9, 28, 31.

Riding, R. & Sadler-Smith, E. (1992). Types of Instructional Material, Cognitive Style and Learning Performance. *Education Studies*. Vol, 18. No. 3, 323-339.

Romainville, C. (1994). *Awareness of Cognitive Strategies: The Relationship Between University Students' Metacognition and Their Performance*. Studies in Hidher Education, 19, 359-366.

Runyon, R.P. & Haber.A. (1991). *Fundamentals of Behavioral Statistics*. USA: Me Graw Hill.Inc.

Saljo (1979). *Learning in the Learner's Perspective. I – Some Commonsense Conceptions*. Reports from the Institute of Education, University of Gothenburg. No.77

Salkind, N.J. (2003). *Exploring Research. 5th Edition*. USA: Pearson Education International.

Secord dan Backman (1964). C.W. 1964. *Social Psychology*. New York: Mc. Graw Hill Book Company.

Shuell, T.J. (1992). *Learning Theory and Instructional Design: Engaging the Learner in Meaningful Ways*. Singapore Journal of Education, Vol. 12, No. 2, 1-10.

Speck (1996), *Adult Learning Theory*. Dilayari pada 24 Ogos 2004.
<http://www.ncrel.org/sdrs/areas/issues/methods/technlgy/te101k12.htm>

Staff development: *Adult Characteristics*. Dilayari pada 24 Ogos 2004. http://www.-ed.final.gov/lincon/staff_adult.shtml

Susan Imel (1995). *Inclusive Adult Learning Environments*. ERIC Digest no. 162. Dilayari pada 17 November 2004.
<http://www.cete.org/acve/docgen.asp?tbl=archive&ID=A009>

Sydow & Sansel (1998). *Making Student Retention an Institutional Priority*. Community College Journal Of Research & Practice, 22, 635-643

Thurstone, L. (1946). *Comment*. America Journal of Sociology. 52, Pg. 39-40.

Tisdell (1995). "Interlocking Systems of Power, Privilege, and Oppression in Adult Higher Education Classes". Adult Education Quarterly 49, no. 4 (Summer 1993b): 203-226

Wan Jaafar Wan Endut & Jamilah Mahmood (1992). *Statistik Perniagaan*. Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, Selangor Darul Ehsan.

Warren, A. (1999). *Factor that Influence the Motivasi of Online Studies*. Interactive Learning Centre, University of Southampton. Dilayari pada 20 juli 2004.
<http://ace.sbu.ac.uk/workshops/alt-ace4/resource/motivate/motivate.html>

Watkins & Maznah (1994). Is the Asian Learner a Rote Learner? A Malaysian Perspective. *Contemporary Education Psychology*, Vol. 19, 483-488.

Williams (1998), McDonald dan Hutcheson (1998). *Adult Students Have Unique Challenges*. Air Force Times, 59 (15), E7

Y. Bagus Wismanto (t.t.). *Pengaruh Sikap Terhadap Perilaku Kajian Meta Analisis Korelasi.* Dilayari pada 19 Mac 2005.
<http://www.unika.ac.id/fakultas/psikologi/artikel/bw-1.pdf>

LAMPIRAN A

Borang Soal Selidik

Kajian ini merupakan satu penyelidikan yang dilaksanakan sebagai memenuhi keperluan berijazah. Tumpuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti "Faktor yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran di kalangan pelajar dewasa (Unimas)". Segala maklumbalas dan keterangan yang diberi adalah "SULIT". Kejujuran anda dalam mengisi borang ini amatlah DIHARAPKAN dan DIHARGAI.

Selain itu, kajian ini adalah berbentuk kajian ilmiah sahaja dan tidak bermaksud menilai mana-mana pihak. Oleh sebab itu, kerjasama daripada anda amatlah diharapkan dalam memberikan pandangan peribadi secara jujur dan ikhlas.

Akhir kata, jutaan terima kasih diucapkan di atas kerjasama kepada sesiapa sahaja yang terlibat dan menjayakan kajian ini.

SIUNG HUA SIONG 9147
PROGRAM PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BAHAGIAN A **LATAR BELAKANG RESPONDEN**

Bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan butir-butir peribadi anda. Sila tandakan (/) pada salah satu jawapan pilihan yang diberi.

1. Umur

- | | |
|--------------------------|------------------|
| <input type="checkbox"/> | 25 – 30 tahun |
| <input type="checkbox"/> | 31 – 35 tahun |
| <input type="checkbox"/> | 36 – 40 tahun |
| <input type="checkbox"/> | 41 tahun ke atas |

2. Jantina

- | | |
|--------------------------|-----------|
| <input type="checkbox"/> | Perempuan |
| <input type="checkbox"/> | Lelaki |

3. PNGK

- | | |
|--------------------------|-----------|
| <input type="checkbox"/> | >3.50 |
| <input type="checkbox"/> | 3.49-3.00 |
| <input type="checkbox"/> | 2.99-2.50 |
| <input type="checkbox"/> | 2.49-2.00 |
| <input type="checkbox"/> | <2.00 |

BAHAGIAN B

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENCAPAIAN PEMBELAJARAN DI KALANGAN PELAJAR DEWASA (UNIMAS)

Bahagian ini terbahagi kepada 4 bahagian yang merangkumi faktor keluarga, motivasi, persekitaran pembelajaran dan sikap. Sila tandakan pada jawapan yang sesuai berpandukan skala berikut:

1 = Sangat Tidak Bersetuju	2 = Kurang Setuju	3 = Setuju	4 = Sangat Setuju
----------------------------	-------------------	------------	-------------------

Keluarga	
1. Pembelajaran saya tidak terganggu dengan tanggungjawab terhadap keluarga.	1 2 3 4
2. Masalah peribadi dalam keluarga boleh mengganggu proses pembelajaran saya.	1 2 3 4

3. Masalah kewangan dalam keluarga tidak mengganggu proses pembelajaran saya.	1	2	3	4
4. Ahli keluarga memberi tekanan terhadap pembelajaran saya.	1	2	3	4
5. Keluarga saya mengambil berat mengenai pembelajaran saya.	1	2	3	4
6. Hubungan dalam keluarga saya mesra.	1	2	3	4

Motivasi	
1. Peluang pembelajaran ini membuat saya "self-motivated".	1 2 3 4
2. Saya kurang yakin semasa malakukan tugas.	1 2 3 4
3. Belajar secara sepenuh masa dapat meningkatkan motivasi saya dalam proses pembelajaran.	1 2 3 4
4. Saya hanya bergantung kepada nota pensyarah sahaja.	1 2 3 4
5. Saya membuat perbincangan mengenai topik yang dipelajari dengan pelajar lain.	1 2 3 4
6. Saya mempunyai objektif pembelajaran yang jelas.	1 2 3 4

Sikap	
1. Saya tidak suka berkongsi maklumat dengan rakan untuk melengkapkan tugas.	1 2 3 4
2. Saya sentiasa bertukar idea dengan rakan.	1 2 3 4
3. Saya sering mencuba sesuatu yang baru dalam pembelajaran.	1 2 3 4
4. Pengalaman yang lalu dapat membangunkan kreativiti saya dalam pembelajaran.	1 2 3 4
5. Belajar dari kesilapan merupakan proses pembelajaran.	1 2 3 4
6. Saya tidak berani menerima kegagalan dalam proses pembelajaran.	1 2 3 4

Persekutaran Pembelajaran	
1. Aliran udara yang tidak lancar menyebabkan saya tidak dapat menumpukan perhatian semasa belajar.	1 2 3 4
2. Suasana yang tidak menyenangkan mengganggu proses pembelajaran saya.	1 2 3 4
3. Suasana yang gelap dalam bilik bacaan menyebabkan saya tidak selesa semasa membuat tugas.	1 2 3 4
4. Saya menghargai tunjuk ajar atau pengajaran yang diberikan oleh rakan sepembelajaran.	1 2 3 4
5. Penggunaan teknologi maklumat di Unimas membantu saya dalam pembelajaran.	1 2 3 4

6. Bahan rujukan di CAIS tidak mencukupi untuk saya mendapat maklumat tambahan.	1 2 3 4
---	------------------

BAHAGIAN C

**PENCAPAIAN PEMBELAJARAN DI KALANGAN PELAJAR DEWASA
(UNIMAS)**

1 = Sangat Tidak Bersetuju	2 = Kurang Setuju	3 = Setuju	4 = Sangat Setuju
----------------------------	-------------------	------------	-------------------

PENCAPAIAN PEMBELAJARAN	
1. Saya berpuas hati dengan pencapaian pembelajaran.	1 2 3 4
2. Saya sentiasa menghantar tugas pada masa yang telah ditetapkan.	1 2 3 4
3. Adalah amat mustahak bagi saya untuk berjaya dalam kursus di UNIMAS.	1 2 3 4
4. Apabila saya membuat sesuatu tugas, saya akan mengambil berat apa yang dikehendaki oleh pensyarah tersebut.	1 2 3 4
5. Saya dapat merancang masa belajar dengan baik.	1 2 3 4
6. Walaupun keadaan tidak sesuai untuk belajar, saya akan cuba mengubahsuai keadaan itu supaya ianya menjadi lebih selesa untuk belajar.	1 2 3 4